

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

ABDOL SAMAD BIN NAWI

KETUA UNIT KUALITI :

NIK ZAM NIK WAN

PENYELARAS :

NOORADZLINA BINTI MOHD PAUZI

PENULIS :

1. NOORADZLINA BINTI MOHD PAUZI
2. WAN SAIFUL'AZZAM BIN WAN ISMAIL
3. JULAINA BINTI BAISTAMAN
4. SUZANA BINTI SAN
5. SYUHAILA BINTI RAZAK
6. MUHAMMAD FIRDAUS BIN MUSTAPHA
7. NUR AIN BINTI ABDUL MALEK

8. WAN NUUR FAZLIZA BINTI WAN ZAKARIA
9. ROHAZLYN BINTI ROSLY
10. INTAN NURUL'AIN BINTI MOHD FIRDAUS KOZAKO
11. AZWAN SHAH BIN AMINUDDIN
12. MOHD FAIEZ BIN SUHAIMIN
13. NIK SARINA BINTI NIK MD SALLEH
14. NOORFADZILAH BINTI ARIFIN
15. FADHILAH BINTI MOHD ISHAK @ ZAINUDIN
16. ROSELIZA BINTI HAMID
17. WAN MASNIEZA BINTI WAN MUSTAPHA
18. FARAHAHIE BINTI FAUZI
19. NADIA FARLEENA BINTI MOHD AZNAN
20. NOR HARYANTI BINTI MD NOR
21. AZILAWATI BINTI ABDULLAH @ ABD AZIZ
22. NIK ZAM NIK WAN
23. NOR JASLINA BINTI NIK WIL
24. NASUHAR BINTI AB AZIZ
25. ROSLIZA BT ABU BAKAR
26. MOHD HAFEEZ AL-AMIN BIN ABDUL WAHAB
27. NURUL SUHADA BINTI AZIZ
28. NORAIIDA BINTI SAIDI
29. HASLINDA BINTI ABDUL HAMID
30. SITI NOR ADAWIAH BINTI HUSSIN
31. NORAINI BT JUNOH

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan adalah elemen penting di sebalik kejayaan UiTMCK. Kepimpinan kanan yang efektif dan efisien dapat mencapai objektif, visi dan misi UiTMCK dan seterusnya menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Justeru itu, kepimpinan kanan dapat menerajui dan mendorong warga kampus bekerja ke arah pencapaian matlamat UiTMCK sejajar dengan visi utama UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University* menjelang tahun 2025.

Kepimpinan kanan merancang aktiviti-aktiviti yang mensasarkan kecemerlangan proses P&P dengan integrasi daripada bahagian, fakulti dan unit di UiTMCK secara sistematik dan menyeluruh agar objektif dapat dicapai melalui Perancangan strategik 2021-2025. Unit Strategik dan Transformasi Universiti (UTU) bertanggungjawab memantau pencapaian petunjuk prestasi UiTMCK agar selari dengan objektif UiTM. Justeru itu, kepimpinan kanan adalah tunjang utama keberhasilan petunjuk prestasi UiTMCK dapat direalisasikan dengan memastikan segala keperluan sumber dari pelbagai aspek dipenuhi.

Kepimpinan kanan menggunakan pelbagai pendekatan yang sistematik untuk memantau dan memastikan proses P&P dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di UiTMCK. Justeru itu, kepimpinan kanan berupaya untuk mengukur keberkesanan pencapaian dan kecemerlangan P&P serta ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan. Seterusnya proses mengenalpasti risiko diuruskan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK yang berfungsi untuk memastikan risiko setiap program akademik diurus dengan baik. Pelan risiko yang diadakan adalah untuk mengenal pasti risiko, mengetahui punca risiko, merancang tindakan pencegahan dan merangka kaedah kawalan jika risiko berlaku.

Komunikasi dua hala melalui beberapa mesyuarat yang melibatkan semua pengurusan kanan UiTMCK secara berkala diamalkan bagi memantapkan proses penambahbaikan proses P&P di UiTMCK. Ini bertujuan untuk mencapai prestasi yang disasarkan dalam bidang tumpuan. Proses penambahbaikan yang berterusan diadaptasi oleh kepimpinan kanan, di mana tindakan-tindakan strategik yang dirancang dengan teliti supaya program yang dirancang berkualiti, mencapai objektif dan menghasilkan output yang dapat memenuhi kehendak pelanggan UiTMCK.

Kepimpinan kanan menerapkan amalan integrasi yang menyatupadukan bahagian, fakulti dan unit melalui pemuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Kepimpinan kanan UiTMCK menitikberatkan aspek profesionalisme dalam usaha lonjakan kecemerlangan pengurusan P&P. Kepimpinan kanan UiTMCK juga menyemarakkan jaringan antarabangsa secara maya dengan mengadakan kolaborasi bersama dengan universiti luar negara melalui MOU dan MOA. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan kanan agresif dengan memanfaatkan norma baru secara maya dalam program pengantarabangsaan universiti. Secara tidak langsung, jaringan kolaborasi ini dapat merapatkan hubungan antara UiTMCK dan universiti luar negara dan proses pengembangan ilmu dapat diperluaskan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Visi utama UiTM dalam Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University (GRU) yang telah disampaikan oleh YBhg Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim dalam Amanat Naib Canselor 2021. Untuk mencapai visi ini terdapat tiga teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Berdasarkan amanat Naib Canselor ini, UiTMCK telah memilih bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) untuk mencapai teras strategik pertama iaitu pendidikan berkualiti. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2(1)).

Kepimpinan kanan yang diterajui oleh Profesor Madya Dr. Zulkifli Mohamed, Rektor UiTMCK telah mengamalkan pendekatan dan kaedah yang sistematik dalam melonjakkan kecemerlangan P&P. Beliau telah dibantu oleh TRHEA iaitu Professor Madya Ir. Dr. Ghazali Osman, tujuh orang Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan lapan orang Ketua Bahagian. Tempoh lantikan Jawatan TRHEA dan KPP adalah dua tahun. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2(2)). Bagi melancarkan dan memantapkan proses P&P, bidang tugas dan peranan telah dinyatakan dengan jelas di dalam surat lantikan tersebut. Hala tuju perancangan UiTMCK adalah berlandaskan Amanat Naib Canselor UiTM 2021 di mana Rektor UiTMCK menekankan pelbagai sasaran dalam memperkasakan proses P&P. Dalam mencapai matlamat tersebut, kepimpinan kanan telah merancang sebanyak 10 sasaran dalam mencapai objektif UiTMCK iaitu *Academic Excellence 2021*. Selain itu objektif UiTMCK iaitu *Smart & Sustainable Campus 2021* telah dirangka untuk merealisasikan visi UiTM. Kepimpinan kanan telah merancang untuk memasang wifi fasa 3 dan mewujudkan digital kampus. Selain itu kepimpinan kanan juga merancang untuk penambahbaikan infrastruktur UiTMCK yang bernilai RM9 juta. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2(3)).

Pandemik Covid-19 telah mentransformasikan proses P&P secara bersemuka beralih ke *Open Distance Learning* (ODL). Transformasi norma baharu dalam proses P&P memberi cabaran besar kepada para pensyarah dan mahasiswa dalam pelbagai aspek terutamanya, kebolehcapaian internet, platform pengajaran yang sesuai dan perubahan penilaian dalam pentaksiran subjek. Para pensyarah komited dan berdedikasi untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran yang berinovasi dan kreatif dengan menyertai pelbagai pertandingan inovasi P&P di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penglibatan kepimpinan kanan dapat dilihat dengan kecemerlangan dalam penganjuran **3rd Kelantan International Learning and Innovation Exhibition (KILlex) 2021 pada 29 Jun 2021**. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2(4)).

Dalam memastikan visi UiTM tercapai, kepimpinan kanan juga menekankan aspek nilai dan kualiti warga UiTMCK dengan mewujudkan sasaran *Agile Talent Development 2021*. Sasaran ini bertujuan untuk memastikan warga UiTMCK bergerak selari dengan hala tuju universti. Justeru itu ianya dapat mencungkil, memantapkan dan mengembangkan potensi mahasiswa kearah kecemerlangan P&P. Keberkesanan program ini dapat dibuktikan dengan pencapaian sebanyak 96.49% *Graduate on Time* (GOT) melebihi sasaran. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2(5)).

Kepimpinan kanan telah mewujudkan sasaran *Global Competency* dalam memantapkan ilmu, idea dan kepakaran para pensyarah. 10 memorandum of understanding (MOU) atau memorandum of agreement (MOA) antarabangsa, lawatan akademik dan program pertukaran pelajar telah dirangka untuk mencapai sasaran tersebut. Hasil daripada program ini membolehkan pertukaran dan perkongsian ilmu, idea dan kepakaran dapat dimanfaatkan dalam mewujudkan kolaboratif akademik, penyelidikan, perundingan serta perkembangan bakat para pensyarah.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_K01_KB02_20221_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB02_20222_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2\(2\).pdf](#)

3. [K0058_K01_KB02_20223_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_K01_KB02_20224_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2\(4\).pdf](#)
5. [K0058_K01_KB02_20225_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.2\(5\).pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dan direalisasikan oleh kepimpinan kanan UiTMCK. Bagi melancarkan dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang dilaksanakan sepenuhnya, maka kepimpinan kanan telah memberi dokongan dan sokongan dalam memastikan segala keperluan sumber dipenuhi seperti sumber kewangan, tenaga kerja, fasiliti dan sebagainya. Kepimpinan kanan memberi kelulusan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti berkaitan bidang tumpuan, bagi tahun 2021 kelulusan diberi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengekang penyebaran pandemik COVID-19.

Pekeliling pengoperasian UiTM dalam tempoh Perintah Kawalan Pegerakan (PKP 3.0) dikeluarkan untuk memastikan kelancaran proses P&P. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3(1)). Bagi pelaksanaan perkuliahan, semua pelajar kecuali yang berkeperluan menjalani sesi P&P secara ODL. Manakala bagi mahasiswa yang berkeperluan mendesak, sesi P&P dilaksanakan secara bersemuka setempat mengikut kaedah pembelajaran teradun dan hibrid. KPP dan Koordinator Program (KP) setiap fakulti menyediakan Amanah Tugas Akademik (ATA) dan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) untuk persediaan dan pelaksanaan P&P yang lebih bersistematik. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3(2)). Di samping itu, UiTMCK telah terpilih menjadi *pioneer* dalam pelaksanaan i-CRESS V2. Agihan ATA dan ATP yang mengambil kira kepakaran dan pengalaman pensyarah menyumbang kepada kecemerlangan akademik mahasiswa di antaranya ialah 38.35% Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) Pelajar Graduat Melebihi 3.5, melebihi sasaran 5%. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3(3)).

Selain itu, kepimpinan kanan telah mengambil inisiatif dengan membenarkan pensyarah bekerja dari rumah. Ini bertujuan untuk mengekang penyebaran virus Covid-19 di kalangan warga UiTM. Walaubagaimanapun kepimpinan kanan UiTMCK optimis untuk mengekalkan kualiti P&P secara ODL dengan memperkenalkan beberapa siri bengkel secara atas talian. Justeru itu, pensyarah kekal relevan, dinamik dan kompeten dalam menyampaikan ilmu secara atas talian bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Kepimpinan kanan telah mengenalpasti keperluan mahasiswa B40 untuk kekal cemerlang dalam proses P&P, dengan itu Pusat Jaringan Industri dan Alumni (PJI) dengan kerjasama Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan program 1 Alumni 1 Laptop dan Sumbangan Dana bagi pembelian laptop/komputer baharu/terpakai bagi pelajar kurang berkemampuan UiTMCK. Program ini telah menyantuni dan memanfaatkan seramai 30 mahasiswa B40 di mana sumbangan sebanyak RM35,115.78 telah berjaya dikumpul. Kecaknaan kepimpinan kanan UiTMCK telah mendorong semua ketua bahagian dan KPP menggembeleng tenaga demi kelestarian proses P&P. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3(4)).

Kepimpinan kanan telah memberi sokongan penuh kepada pensyarah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dengan menyertai pertandingan inovasi pengajaran. Melalui penyertaan ini, para pensyarah lebih kreatif dan berinovasi dalam penyediaan bahan pengajaran, platform kaedah pengajaran dan penyampaian maklumat yang lebih sistematik dan efisien. Seterusnya pensyarah yang berinovasi dapat melahirkan mahasiswa dengan kemahiran alaf baru seiring dengan perkembangan teknologi dan maklumat untuk lebih berdaya saing, motivatif dan dinamik. Di antara contoh inovasi yang disertai oleh pensyarah ialah Teaching and Learning Ideas (TALPI) 2021 dan 3rd Kelantan International Learning and Innovation Exhibition (KILlex) 2021 ((Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3(5)).

Kepimpinan kanan telah mengambil resolusi terbaik bagi memastikan proses P&P dapat diteruskan dengan mewujudkan saluran telegram Sahabat HEA untuk penyebaran informasi terkini berkaitan P&P. UPA Helpdesk juga diwujudkan untuk membantu pensyarah berkaitan dengan proses penilaian dan pentaksiran. Pelbagai program motivasi secara online dijalankan untuk meningkat tahap motivasi pensyarah dan mahasiswa dalam mengadaptasi norma baru.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_K01_KB03_20221_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB03_20222_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_K01_KB03_20223_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_K01_KB03_20224_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_K01_KB03_20225_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kaedah pemantauan yang digunapakai untuk P&P di UiTMCK ialah Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang dilaksanakan sebulan sekali. Mesyuarat TRHEA dan KPP (tiga kali per semester), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) (dua/tiga kali per semester), Mesyuarat Sumber Manusia (sebulan sekali), Mesyuarat Fakulti (dua kali per semester), Mesyuarat Perancangan Strategik (dua bulan sekali). Ini bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di UiTMCK. BHEA memastikan setiap maklumat hasil maklumbalas dan keputusan mesyuarat dipanjangkan untuk proses penambahbaikan P&P dan disebarkan kepada pensyarah melalui Mesyuarat Akademik (dua kali per semester). Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1(1).

Keberkesanan proses P&P dipantau melalui Jawatankuasa Profesionalisme Pensyarah UiTMCK (PRO-PENS) yang ditubuhkan oleh BHEA. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan ODL di kalangan pensyarah, kesediaan pelajar terhadap P&P dalam talian, capaian akses dan keupayaan pensyarah memahirkan diri dengan teknologi baru. Praktis yang dijalankan di UiTMCK adalah mengambil sekurang-kurangnya 30% sampel pensyarah di setiap fakulti untuk dipantau. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1(2)). Pemantauan juga dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penasihat Akademik UiTMCK. Penyelaras Penasihat Akademik fakulti dilantik untuk menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan penasihat akademik fakulti. Peranan penasihat akademik lebih mencabar dalam menangani situasi dan masalah pelajar bukan sahaja yang berkaitan akademik, tetapi juga melibatkan masalah emosi mahasiswa untuk mengadaptasi norma baru P&P. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1(3)).

Kualiti P&P dapat dipantau melalui *Student's Feedback Online* (SuFO) di mana kepimpinan kanan BHEA menerima maklumbalas daripada mahasiswa mengenai profesionalisme pensyarah, aktiviti P&P dan fasiliti dan infrastruktur kampus. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1(4)). BHEA UiTMCK juga bertanggungjawab memperkenalkan program mentor mentee pensyarah bagi memantapkan profesionalisma pensyarah melalui tunjuk ajar dan perkongsian ilmu dari aspek pengajaran, inovasi, penyelidikan dan penerbitan.

Ketua Sistem Audit (KSA) di bawah pengurusan Unit Kualiti UiTMCK bertanggungjawab memantau dan melaporkan hasil audit kepada kepimpinan kanan untuk ditambahbaik melalui pemantauan berkala oleh juruaudit dalam yang bertauliah. Bagi memantapkan proses P&P audit dalam telah dilaksanakan pada tahun 2021 untuk memantau status terkini wifi di kolej kediaman UiTMCK. Hasil penemuan audit mendapati pemasangan peralatan rangkaian wifi oleh pihak Telekom dijangka siap pada bulan September 2022. Pemasangan wifi ini merupakan projek *Corporate Social Responsibility (CSR)* oleh Telekom Malaysia. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1(5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_K01_KB04_KC01_20221_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB04_KC01_20222_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0058_K01_KB04_KC01_20223_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0058_K01_KB04_KC01_20224_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0058_K01_KB04_KC01_20225_UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.1\(5\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK berfungsi untuk memastikan risiko setiap program diurus dengan baik. Pelan risiko yang diadakan adalah untuk mengenal pasti risiko, mengetahui punca risiko, merancang tindakan pencegahan dan merangka kaedah kawalan jika risiko berlaku. UPR bertanggungjawab untuk mengkoordinasi fungsi Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR), Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) dan Jawatankuasa Bencana Negeri (JOBN).

Proses pengurusan risiko bermula dengan pendaftaran risiko oleh pegawai yang bertanggungjawab di dalam sistem pengurusan risiko iaitu *Electronic Records Management System (e-RMS)*. Seterusnya, proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori, di mana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi dan extreme. Setelah tindakan pencegahan dilaksanakan, pegawai yang bertanggungjawab akan membuat pelaporan dengan menggunakan sistem e-RMS untuk merekod status tindakan pencegahan yang telah dilakukan seperti tarikh siap dan tarikh disemak. Status tindakan pencegahan dibentangkan oleh UPR dalam mesyuarat MKSP. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.2(1)).

Pada tahun 2021, operasi JOBN diperluaskan dengan operasi COVID-19 UiTMCK dan operasi siap siaga bencana. Rujuk UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan 1.4.2(2) . Di antara fungsi JOBN ialah menyelaras kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko kejadian bencana di kampus negeri. Bilik gerakan COVID-19 UiTMCK beroperasi bermula 19 Mac 2020 untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang berada di kolej kediaman dan pelajar non-resident (NR) yang tidak dapat pulang semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). SOP akan dikeluarkan oleh JOBN, kemudiannya dimaklumkan kepada Staf Residen Kolej (SRK) untuk disebarluaskan kepada mahasiswa UiTMCK.

Mahasiswa daripada Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dibenarkan masuk ke kampus kerana keperluan mendesak iaitu penggunaan bengkel, studio dan makmal. Hal ini boleh meningkatkan risiko jangkitan covid-19. Justeru itu, kepimpinan kanan mengeluarkan SOP berkaitan proses P&P, di antaranya mewajibkan pemakaian pelitup muka, pelajar yang lengkap vaksin sahaja dibenarkan masuk kampus, penjarakan fizikal dan lain-lain SOP yang dikeluarkan oleh JOBN. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.2(3)). Selain itu, risiko lain yang telah dikenalpasti ialah mahasiswa tidak mengenali bahan dan barang keperluan subjek semasa pembelajaran atas talian pada tahun 2020. Oleh itu para pensyarah memerlukan tambahan masa untuk mengulangkaji bagi meningkatkan kefahaman mahasiswa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_K01_KB04_KC02_20221_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB04_KC02_20222_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_K01_KB04_KC02_20223_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2\(3\).pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memantapkan proses penambahbaikan di UiTMCK, kepimpinan kanan telah mengamalkan konsep komunikasi dua hala melalui beberapa mesyuarat yang melibatkan semua pengurusan kanan UiTMCK secara berkala. Antaranya ialah Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Negeri (JKEN) yang bertujuan membuat dan mengubal dasar dan keputusan pengurusan UiTMCK. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.3(1)). Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang bertujuan untuk melihat semula pencapaian UiTMCK (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.3(2)). Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) yang bertujuan membincangkan agenda yang melibatkan urusan akademik. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.3(3). Melalui mesyuarat yang dijalankan, kepimpinan kanan dapat mengenalpasti aktiviti-aktiviti penambahbaikan yang sesuai dengan pelaksanaan program berkaitan bidang tumpuan.

Kepimpinan kanan UiTMCK telah mengambil pendekatan yang proaktif dalam menangani risiko yang dikenalpasti dalam bidang P&P. KPSK telah melakukan penstrukturan projek dengan mengambil kira kekangan bahan dan peralatan untuk melancarkan proses P&P secara amali. Penambahbaikan yang berterusan berkaitan infrastruktur blok kuliah dan peralatan bantu mengajar telah dilaksanakan oleh BHEA melalui Jawatankuasa Audit Ruang. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.3(4).

Kajian semula dilaksanakan bagi memastikan penambahbaikan untuk mencapai prestasi yang disasarkan dalam bidang tumpuan. Kepimpinan kanan menekankan proses penambahbaikan berterusan yang mengandungi tindakan-tindakan strategik yang dirancang dengan teliti supaya program yang dirancang berkualiti, mencapai objektif dan menghasilkan output yang dapat memenuhi kehendak pelanggan UiTMCK. Ini dibuktikan dengan peningkatan index kegembiraan staf UiTMCK pada tahun 2020 dan 2021 iaitu 73% kepada 76%. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.4.3(5)).

Secara umum prosedur penambahbaikan UiTMCK adalah berdasarkan daripada input dari borang maklum balas pelanggan yang berkaitan dengan program yang dijalankan. Tetapi, pandemik Covid-19 telah mentransformasikan proses P&P daripada kaedah tradisional kepada ODL. Oleh itu, Kepimpinan kanan telah menyediakan pelbagai kursus dan bengkel untuk penambahbaikan berterusan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi para pesyarah dalam menjayakan proses P&P.

Penambahbaikan juga berdasarkan perubahan semasa, polisi UiTM dan keperluan pemegang taruh. Pandemik COVID-19 telah menerapkan keperluan pembudayaan norma baru dalam merealisasikan pelaksanaan program di UiTMCK. Untuk mencapai KPI bidang tumpuan pelbagai alternatif digunapakai di antaranya webinar, facebook live, youtube dan lain-lain medium komunikasi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_K01_KB04_KC03_20221_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB04_KC03_20222_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_K01_KB04_KC03_20223_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_K01_KB04_KC03_20224_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_K01_KB04_KC03_20225_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3\(5\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi adalah satu proses yang menyatupadukan warga kampus dan mahasiswa UiTMCK melalui pemuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Secara umumnya, kepimpinan kanan sentiasa mengalakkan pembudayaan dan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. Oleh itu, ini membuka ruang kepada kepimpinan kanan untuk memahami permasalahan kehidupan warga kampus dan mahasiswa dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Untuk melonjak kecemerlangan proses P&P, kepimpinan kanan telah menggerakkan Unit Tranformasi Universiti (UTU) UiTMCK melalui pengagihan petunjuk prestasi (PI) berkaitan P&P kepada bahagian/fakulti/unit di UiTMCK. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.5(1)). PI yang telah disasarkan perlu dilaksanakan secara holistik di setiap bahagian/fakulti/unit, di mana tiga fasa perancangan plan tindakan 2021. Fasa pertama ialah fasa penerimaan PI, fasa kedua ialah fasa perancangan dan penyediaan *Strategic Action Plan* (SAP), dan fasa ketiga ialah fasa permuniaan SAP. Integrasi di antara semua bahagian, fakulti dan unit telah mereliasasikan pencapaian GOT sebanyak 96.49% melebihi sasaran 90% pada tahun 2021. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.5(2)).

Kepimpinan kanan UiTMCK menitikberatkan aspek profesionalisme dalam aspek pengurusan P&P. Untuk memantapkan etika professionalisma, kepimpinan kanan menekankan kepatuhan akreditasi dari badan professional dan semakan dan lawatan audit luar dan audit dalam secara berkala. Contohnya audit lokasi untuk program AC700 telah dilaksanakan pada 23 Mac 2021. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.5(3)). Kepimpinan kanan mengamalkan terbukaan dan ketelusan dalam menerima laporan audit, seterusnya menyebarkan penemuan audit untuk penambahbaikan di setiap bahagian/fakulti/unit di UiTMCK. Justeru itu, integrasi dan pembudayaan profesionalisme di kalangan warga kampus membantu proses P&P dan mencapai objektif strategik UiTMCK.

Walaupun negara dilanda pandemik covid-19, kepimpinan kanan menyemarakkan jaringan antarabangsa secara maya dengan mengadakan kolaborasi bersama dengan universiti luar negara, melalui pelbagai MOU dan MOA. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan kanan agresif dengan memanfaatkan norma baru secara maya dalam program pengantarabangsaan universiti. Secara tidak langsung, jaringan kolaborasi ini dapat merapatkan hubungan antara UiTMCK dan universiti luar negara dan proses pengembangan ilmu dapat diperluaskan. Usaha ini menunjukkan pandemik covid-19 tidak membantutkan kelestarian program pengantarabangsaan universiti dan seterusnya memantapkan rangkaian professional dan global para pensyarah. Pada tahun 2021, UiTMCK telah melaksanakan sebanyak Sembilan MOU/MOA. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 1.5(4)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_K01_KB05_20221_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.5\(1\).pdf](#)
2. [K0058_K01_KB05_20222_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.5\(2\).pdf](#)
3. [K0058_K01_KB05_20223_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.5\(3\).pdf](#)
4. [K0058_K01_KB05_20224_UiTMCK_Lampiran_Kepimpinan_1.5\(4\).pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bermula tahun 2020 Perancangan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) berpandukan perancangan strategik UiTM2025 iaitu menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University (GRU 2025) sebelum tahun 2025. Selari dengan itu, perancangan UiTMCK pada tahun 2021 memfokuskan kepada bidang pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan teras Quality Education yang menjadi salah satu teras strategik di dalam UiTM2025.

Antara intipati yang digariskan di dalam perancangan strategik UiTMCK bagi tahun 2022 adalah menepati tema strategik UiTM oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Bagi tema strategik Education 5.0@UiTM, strategi yang ditekankan adalah menyediakan asas yang sesuai untuk penubuhan pendidikan bertaraf dunia. UiTMCK melatih pemimpin pelajar dan ahli akademik yang berkualiti. Warga UiTMCK mempraktikkan dua aspek utama iaitu Adab dan Amanah dalam pelbagai aspek. Bagi memastikan UiTMCK terus unggul, perkara-perkara berikut ditekankan. Mengkaji semula kurikulum sedia ada dan meningkatkan bilangan kerjasama fakulti. Dalam mencapai tema strategik entrepreneurial and well-balanced graduates UiTMCK memperkukuh nilai teras dalam pengajaran dan amalan pengajaran. Bagi memperkukuh minda global di kalangan pelajar UiTM, UiTMCK menjalankan strategi seperti bekerjasama dan membina rangkaian dengan program antarabangsa, meningkatkan bilangan penyertaan dalam pertandingan antarabangsa, menyemai nilai ESI melalui latihan kepimpinan, aktiviti kokurikulum dan kesukarelawanan, melaksanakan program Service-Learning Malaysia (SULAM), dan menekankan pembangunan bakat. UiTMCK juga mengutamakan dari segi menyediakan ekosistem yang kondusif untuk membolehkan kesejahteraan pelajar, kesejahteraan dan pengalaman gaya hidup kampus yang berkesan. Seterusnya UiTMCK juga memperkasakan teras strategik Widened Access. UiTMCK meluaskan akses kepada orang kurang upaya, trek tahfiz, ahli sukan dan masyarakat kurang bernasib baik. Usaha ini dilakukan secara sinergi oleh warga UiTMCK dan juga melalui Misi Akademik dan melalui program Selangkah ke UiTM. UiTMCK juga menggalakkan pembangunan program micro-credentials yang melibatkan semua fakulti di dalam UiTMCK. Selain menekankan perancangan dan pelaksanaan strategi di bawah teras strategik Quality Education, UiTMCK juga memberi penekanan terhadap teras Global Excellence. UiTMCK memberi penekanan ke arah meningkatkan hasil penyelidikan translasi, penerbitan berimpak tinggi, inovasi kreatif. Dengan lonjakan hasil penyelidikan ia memberi impak secara langsung kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran di UiTMCK.

Secara asasnya, aktiviti perancangan yang diadakan dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu; Fasa Penerimaan, Fasa Perancangan, dan Fasa Pemurnian. Maklumat lanjut berkaitan dengan objektif perancangan dan aktiviti perancangan akan diterangkan di dalam bahagian 2.2. Unit Transformasi Univesrsiti (UTU) adalah unit yang bertanggungjawab menguruskan perancangan dan pencapaian. UiTMCK telah menggunakan Sistem i-Strategik bagi mengurus data-data perancangan dan pencapaian. Kaedah pelaksanaan dan penyebaran maklumat oleh UTU dibincangkan di dalam bahagian 2.3. Seterusnya, bagi memastikan segala perancangan dijalankan, UTU mengamalkan proses pemantauan bersistematik. Fasa-fasa pemantauan akan dijelaskan dengan terperinci di dalam bahagian 2.4.1. Bagi memastikan objektif UiTMCK tercapai, penilaian risiko dibuat dari semasa ke semasa. Perbincangan berkenaan penilaian risiko diperincikan di dalam bahagian 2.4.2. Selain itu juga, UiTMCK komited di dalam mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan sekiranya terdapat kekurangan. Perbincangan ini diperincikan di dalam bahagian 2.4.3.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Agenda Transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University (GRU) telah disampaikan oleh YBhg Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim di dalam peristiwa Amanat Naib Canselor 2021 mempunyai tiga teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Bagi tujuan pelaporan AKNC 2022 UiTMCK telah memilih bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) untuk mencapai teras strategik pertama iaitu pendidikan berkualiti. (Rujuk UiTMCK_Lampiran 2.2(1)).

Pada tahun 2021, UiTMCK merancang 10 sasaran dalam mencapai objektif UiTMCK iaitu "Academic Excellence 2021" dan objektif UiTMCK iaitu "Smart & Sustainable Campus 2021" telah dirangka untuk merealisasikan visi UiTM khususnya untuk melonjakkan kecemerlangan P&P di UiTMCK. Kecemerlangan bermula dengan bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEA) membuat merancang strategi aktiviti dan program berdasarkan kepada 'Performance Indicators' (PI). (Rujuk UiTMCK_Lampiran 2.2(2)).

Perancangan strategik bermula apabila Penyelaras Unit Transformasi Universiti (UTU) UiTMCK menerima PI dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU), UiTM. Di peringkat UTU, senarai PI yang diterima dibahagikan kepada bahagian atau unit terlibat juga dikenali sebagai Pemilik seperti HEA. Manakala Pelaksana pula terdiri daripada fakulti-fakulti di UiTMCK. UTU menyediakan sistem I-strategik bagi membolehkan setiap perancangan program bagi memenuhi PI oleh Pelaksana direkodkan, dikemaskini dan pemantauan status pelaksanaan dilakukan oleh HEA. Seterusnya I-Strategik akan menjana pelaporan perancangan dan juga pencapaian bagi setiap PI bahagian. (Rujuk UiTMCK_Lampiran 2.2 (3))

Bagi kecemerlangan P&P di UiTMCK dan juga selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, bahagian HEA telah berjaya memenuhi lima PI daripada tujuh PI. (Rujuk UiTMCK_Lampiran 2.2 (3))

Lima (5) PI yang berjaya dicapai ialah;

1. PI10 – Number of inbound students
2. PI11 - Number of outbound students
3. PI01 – Number of High-End TVET and TVET Programmes
4. PI05 – Number of academic programmes embedded with credited service learning activities.
5. PI06 – Percentage of GOT students (Undergraduate).

(Rujuk UiTMCK_Lampiran 2.2(3) & UiTMCK_Lampiran 2.2(4)).

Selain daripada itu, terdapat enam MoU/MoA telah dimeterai dengan universiti luar negara dan satu MOOC telah dihasilkan. UiTMCK juga berjaya mencapai 96.49% "Graduate on Time (GOT) melebihi sasaran. Pelaksanaan program dan aktiviti yang berkaitan dengan PI ini dapat memantapkan dan mengembangkan potensi mahasiswa ke arah kecemerlangan P&P.

Bahagian Penyelidikan, Industri & Alumni (PJIA) UiTMCK juga menyediakan pelbagai kemudahan untuk menyokong program dan aktiviti pembangunan akademik kepada pensyarah dan pelajar seperti penyelidikan, penulisan, penerbitan, perundingan dan pengkomersilan produk penyelidikan pensyarah. Misi PJIA adalah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi universiti melalui perkhidmatan berkualiti dan menjadi jambatan maklumat, pengetahuan dan teknologi antara pelajar, universiti dan industri. Pencapaian PJIA UiTMCK berdasarkan PI tahun 2021 boleh dirujuk di dalam

Dasnboard UiTMCKZU21.

PJIA dengan kerjasama Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK) juga mengambil inisiatif memperkenalkan program 1 Alumni 1 Laptop dan Sumbangan Dana bagi pembelian laptop/komputer baharu/terpakai bagi pelajar kurang berkemampuan UiTMCK. Sebanyak 40 komputer riba telah diagihkan kepada pelajar B40 yang tidak mempunyai komputer riba supaya dapat mengelakkan kecaciran semasa sesi pembelajaran ODL.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_P01_PB02_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(1\).docx.pdf](#)
2. [K0058_P01_PB02_20222_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_P01_PB02_20223_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_P01_PB02_20224_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(4\).pdf](#)
5. [K0058_P01_PB02_20225_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.2\(5\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) berteraskan perancangan strategik UiTM2025 dengan memfokuskan tiga teras utama, iaitu Quality Education, Global Excellence dan Value-Driven Performance. Bagi memastikan keseluruhan organisasi bergerak seiring dalam mencapai objektif yang ditetapkan, perancangan strategik UiTMCK telah menyediakan sistem i-Strategik untuk mengagihkan sasaran PI kepada Pemilik dan Pelaksana. Inisiatif-inisiatif yang dirancang direkodkan ke dalam sistem i-Strategik melalui Borang Perancangan dan Pencapaian (BPP) (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 (1)).

Paparan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik dapat membantu Pemilik dan Pelaksana dalam menyelaraskan perancangan yang dibuat. Dashboard Perancangan disediakan bagi menyelaraskan perancangan inisiatif yang dibuat. Dashboard tersebut akan memapar bilangan inisiatif-inisiatif yang dirancang dan jumlah sasaran yang diperlukan. Perancangan yang ideal adalah bilangan kedua-dua item tersebut adalah sama. Borang BPP dan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik boleh diakses melalui Google Classroom iaitu kumpulan Pemilik, Pelaksana, dan Warga UiTMCK. Dengan itu, data-data perancangan dapat diakses oleh kesemua warga kampus mengikut kekangan jenis peranan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 (2)).

Dalam memastikan P&P menepati tema Quality Education, Global Excellence dan Value-Driven Performance, Pemilik HEA telah menerima tujuh (7) PI yang perlu diagihkan kepada Pelaksana yang berkaitan. Pemilik HEA telah menggunakan pelbagai medium sebaran maklumat perancangan kepada Pelaksana terutama dalam Mesyuarat Akademik. Hal ini bagi memastikan Pelaksana mengemaskini dari semasa ke semasa perancangan PI dapat dilaksanakan. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan, antaranya MoA Fakulti Perakaunan dengan UMSU, Indonesia dan MoU dengan Cagayan State University, MoA Akademi Pengajian Bahasa dengan PSu dan MoU dengan Universitas AlAzhar Indonesia. Melalui MoA dan MoU ini, PI 90 telah terlaksana mengikut perancangan yang ditetapkan dan secara langsung PI 10 dan 11 turut dilaksanakan dengan jayanya. Dengan ini, ia melonjakkan lagi pentas UiTMCK di persada antarabangsa melalui jalinan Kerjasama yang cemerlang (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 (3)).

Seterusnya PI 1, 5, 6 dan 13 telah dirancang dengan teliti bagi memastikan agenda perancangan universiti melalui penstrukturan universiti dan High End TVET bagi program-program diploma di UiTM dapat dicapai. Sehubungan itu, program-program berkaitan telah dirancang dan dilaksanakan, antaranya Taklimat Semakan Kurikulum Malaysian Qualification Framework Edisi Ke2 pada 29 Jun 2021 dan Bengkel end TVET Bersama Ts. Dr. Noraini Seman pada 7 Julai 2021. Ia melibatkan program CS111 dan IM110 (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 (4)).

Selain Dashboard Perancangan yang disediakan, UTU turut menyediakan Dashbord Pencapaian dari semasa ke semasa. Hal ini bagi memastikan setiap Pemilik dan Pelaksana mengemaskini pencapaian semasa seterusnya merencanakan lagi pelaksanaan perancangan dengan berkesan. Perbandingan antara Pemilik dan Pelaksana juga dipaparkan melalui graf dan carta pai sebagai motivasi untuk meningkatkan lagi usaha pencapaian PI masing-masing khususnya berkaitan P&P (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 (5)). Maklumat-maklumat ini juga boleh diakses oleh setiap warga UiTMCK seterusnya meningkatkan lagi pencapaian PI secara maksimum. Setiap warga sentiasa dimaklumkan pencapaian semasa dan dibekalkan dengan pelbagai maklumat yang berkaitan terutama menghayati hala tuju perancangan strategik UiTM2025 seterusnya menjadikan UiTM setaraf

universiti terkemuka dunia (GRU2025).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_P01_PB03_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_P01_PB03_20222_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_P01_PB03_20223_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_P01_PB03_20224_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_P01_PB03_20225_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan pemantauan bermula dengan Pemilik mendapat maklumbalas daripada Pelaksana. Pelaksana perlu melaporkan pencapaian semasa untuk semakan Pemilik. Setelah itu, Pemilik akan mengesahkan pencapaian tersebut. Seterusnya, Pemilik akan memajukan laporan yang telah disahkan kepada UTU. UTU akan melaporkan status pencapaian kepada PTJ dan BTU melalui:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE)
2. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)
3. Melaporkan pencapaian terkini ke dalam UePMO BTU

Bermula tahun 2019, pemantauan kemajuan inisiatif yang dirancang dilakukan secara atas talian dengan menggunakan sistem i-Strategik. Proses pelaporan prestasi bermula dengan setiap pelaksana perlu mengemaskini maklumat semasa mengenai kemajuan projek mereka di dalam sistem i-Strategik melalui borang di dalam sistem i-strategik. Pemilik perlu memantau dan mengesahkan setiap projek yang telah siap dijalankan oleh pelaksana. Proses pengesahan pencapaian oleh Pemilik juga perlu dilakukan pada borang yang sama iaitu di ruangan pengesahan oleh Pemilik. UTU memainkan peranan menjadi medium perantara di antara Pemilik dan Pelaksana. Sekiranya, kemajuan tidak dikemaskini, UTU akan memaklumkan kepada Pemilik dan Pelaksana yang terlibat. Sistem i-Strategik sangat membantu di dalam proses pemantauan di mana ia dapat memaparkan status terkini pencapaian melalui Dashboard Pencapaian seperti:

1. Pencapaian keseluruhan UiTMCK
2. Graf pencapaian mengikut PI
3. Graf pencapaian mengikut Pemilik
4. Graf pencapaian mengikut Pelaksana.

Bagi memperkasakan P&P di UiTMCK, pelbagai perancangan telah dirancang oleh Pemilik dan Pelaksana melalui sistem i-Strategik pada tahun 2021. Bagi memastikan perancangan yang dirancang oleh Pemilik dan Pelaksana dapat dilaksanakan dengan baik, pihak UTU sentiasa memantau perancangan yang dirancang melalui i-Strategik serta melalui mesyuarat bersama Pemilik dan Pelaksana secara berkala. Seterusnya, pemantauan juga dilaksanakan diperingkat fakulti dimana setiap perancangan diperingkat Pelaksana akan dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat akademik fakulti untuk memastikan perancangan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat universiti.

(RUJUK UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 (1)).

Oleh yang demikian, pelaksanaan pemantauan dapat dilakukan dengan sistematik melalui sistem i-Strategik. Selain itu, data-data perancangan dan pencapaian juga dapat diakses dengan mudah melalui sistem i-Strategik. Paparan pencapaian pada sistem i-Strategik juga boleh digunapakai di dalam pelaporan pencapaian di dalam mesyuarat-mesyuarat penting Dashboard Pencapaian juga boleh diakses oleh semua warga UiTMCK melalui Google Classroom kumpulan Warga UiTMCK. UTU melaporkan pencapaian setiap bulan kepada PTJ

di dalam mesyuarat JKEN.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_P01_PB04_PC01_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1 \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi menangani risiko ketidakcapaian, UTU telah mendaftarkan risiko di Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTMCK. Antara tujuan utama adalah untuk memastikan risiko dapat dikawal dengan baik dan diselia oleh UPR. UPR akan memantau perkembangan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2021, terdapat dua risiko yang melibatkan UTU iaitu;

1. Risiko ketidakcapaian sasaran Performance Indicators (PI) UiTM2025, UiTM Cawangan Kelantan.
2. Risiko ketidakcapaian sasaran Performance Indicators (PI) UiTM2025, UiTM Cawangan Kelantan bagi tahun 2021

Status tindakan pencegahan dibentangkan oleh UPR dalam mesyuarat MKSP. Rujuk UiTMCK_Lampiran Kepimpinan 2.4.2(1)).

Penilaian laporan hasil semakan suatu aktiviti/program/projek ditentukan berdasarkan status terkini pelaksanaan aktiviti/program/projek tersebut. Hasil maklumbalas dan keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) diambil maklum oleh UTU untuk tindakan selanjutnya. Seterusnya, mesyuarat bersama Ketua Pemilik petunjuk prestasi telah diadakan untuk menetapkan strategi berdasarkan teras.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_P01_PB04_PC02_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2\(1\) \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan UTU UiTMCK bermula dengan proses semakan dan pemantauan berpandukan kepada pembahagian Performance Indicators(PI) kepada setiap bahagian. Tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk pada Dashboard Pencapaian UiTMCK 2021 dalam sistem “i-strategik”. Merujuk kepada salah satu teras utama perancangan stretejik UiTM2025 yang mana melibatkan teras Quality Education yang mempunyai lima kriteria utama dibawahnya yang lebih menjurus kepada pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran secara ODL sepanjang tahun 2021 dibawah pemilik HEA. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 (1)).

Setelah proses semakan dan pemantauan dibuat secara komprehensif, laporan hasil semakan aktiviti / program / projek tersebut dibentangkan dalam beberapa mesyuarat yang berkaitan. Pelaksanaan aktiviti / program / projek yang berkesan melibatkan staf dan juga pelajar UiTMCK dan sistem pemantauan yang telah dijalankan terdapat peningkatan pencapaian aktiviti perancangan strategik yang terlibat secara langsung dengan P&P.

Dengan merujuk kepada sistem “i-strategik”, aspek utama yang diberikan tumpuan adalah dibawah pemilik HEA dan mengikut pecahan pembahagian aktiviti / program / projek mengikut fakulti yang terlibat. Fokus utama boleh dilihat dibawah OIA (PI: numbers of inbound and outbound students) dan UHEK (PI: Percentage of GOT students (Undergraduate), Number of new Massive Open Online Course (MOOC)). Pencapaian pemilik HEA yang merangkumi tiga PI dibawah OIA dan tiga PI dibawah UHEK dan iCEPS adalah masing-masing sebanyak 86.67% dan 83.33%. (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 (2) dan UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 (3)). Pencapaian juga didorong oleh kemampuan pihak yang terlibat untuk menjayakan aktiviti / program / projek secara maya memandangkan pelaksanaan P&P secara ODL.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_P01_PB04_PC03_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_P01_PB04_PC03_20222_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_P01_PB04_PC03_20223_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3 \(3\).pdf](#)
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bermula pada tahun 2019, UTU telah ditambahbaik dengan memperkenalkan inovasi baru yang mengguna pakai aplikasi i-Strategik yang berkonsepkan capaian maklumat bersepadu (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 (1)). Kaedah ini memudahkan lagi semua pihak untuk mengakses dan menghantar semula borang yang telah lengkap diisi oleh pelaksana. Taklimat mengenai aplikasi i-Strategik ini telah disebarluaskan kepada pemilik dan pelaksana pada awal tahun 2019 dan 2020.

Pada peringkat perancangan, aktiviti / program / projek yang melibatkan P&P akan dirancang mengikut Performance Indicator (PI) yang telah ditetapkan dibawah pemilik HEA yang merangkumi tujuh PI kesemuanya. Pihak pengurusan kanan HEA akan terlibat bermula dari bengkel pra-perancangan, bengkel agihan, dan bengkel penyediaan dokumen perancangan dan memainkan peranan yang penting bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pelaksana dan pemilik mendapat kerjasama semua pihak dan melancarkan semua urusan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 (2)). Objektif aktiviti / program / projek yang melibatkan P&P mencapai matlamat dan mendapat kerjasama semua pihak. Akhirnya satu dokumen perancangan aktiviti / program / projek yang melibatkan P&P dapat dihasilkan sebagai panduan kepada semua pemilik dan pelaksana (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 (3)).

Manakala pada peringkat pelaksanaan, pihak pengurusan fakulti memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap perancangan aktiviti / program / projek yang melibatkan P&P yang dirancang dapat dilaksanakan. Pemilik dan Pelaksana akan memberi kerjasama melaporkan pencapaian setiap bulan kepada UTU dengan mengemaskini pencapaian ke dalam sistem i-Strategik. Pihak pengurusan kanan dapat memantau status pencapaian melalui sistem i-Strategik (Rujuk UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 (4)). Dengan sistem ini, P&P UiTMCK dapat dijalankan dengan lancar dan sistematik dalam memenuhi matlamat Perancangan Strategik UiTM2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_P01_PB05_20221_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_P01_PB05_20222_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_P01_PB05_20223_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_P01_PB05_20224_UiTMCK_Lampiran Perancangan Strategik 2.5 \(4\).pdf](#)
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCK amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati pelanggan. Oleh itu, pelbagai inisiatif, usaha dan aktiviti yang bermanfaat serta berimpak tinggi terhadap para pelanggan yang terdiri daripada bakal pelajar, pelajar, masyarakat, ibu bapa, pihak industri, pembekal dan organisasi atau agensi telah dijalankan. Tahun 2021 menyaksikan negara masih terus diancam wabak Covid-19 dan impaknya dirasai seluruh sistem pendidikan Malaysia termasuk UiTMCK. Perubahan dan penyesuaian dilakukan demi memastikan khidmat hakiki tidak terjejas dan piagam pelanggan dapat dipenuhi dengan cemerlang. Dengan penuh yakin, UiTMCK telah memilih bidang tumpuan 'Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bagi penulisan Laporan AKNC 2021.

Aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka di dunia telah dizahirkan melalui Pelan Strategik 2025 dan UiTMCK sudah pasti mendukung hasrat ini dengan sebaiknya. Perancangan serta hala tuju pihak pengurusan UiTMCK menjadikan pelan strategik ini sebagai panduan bagi mengorak langkah merancang pelbagai inisiatif bagi memberi nilai tambah kepada pelanggannya.

Sebagai unit utama bagi segala **perancangan** melibatkan UiTMCK, Unit Transformasi Universiti (UTU) akan merangka pelan strategik disebarluaskan kepada seluruh warga UiTMCK. Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah UiTMCK mempunyai petunjuk prestasi tersendiri yang perlu dicapai. Sebagai sebuah institusi pendidikan awam, semestinya prestasi berkaitan P&P merupakan fokus utama cuba dicapai sebaik mungkin. Pelbagai bengkel perancangan strategik, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Panel Pembangunan Sumber Manusia, Kajian Semula Pengurusan juga merupakan wadah **perancangan** bagi segala aktiviti UiTMCK. Bukan sahaja di peringkat universiti dan setempat, perancangan dan kerjasama seperti MoU dan MoA juga dijalinan dengan pelbagai institusi pendidikan luar negara bagi memastikan UiTMCK memberikan khidmat pendidikan yang bertaraf tinggi dan berkualiti.

Pelaksanaan segala aktiviti yang telah dirancang akan dipastikan oleh setiap PTJ yang terlibat mengikut bidang keutamaan. Terdapat pelbagai mekanisme pelaksanaan bagi bidang P&P seperti sistem-sistem utama (SIMS, ICRESS, UFUTURE & HR2U), sistem-sistem sokongan (UNITS, FMS & eRMS) dan pelbagai bentuk program berkaitan. Tambahan pula, dalam tahun 2021, UiTMCK telah berjaya menandatangani 9 MoU dan MoA bersama universiti-universiti luar negara yang membuka ruang untuk pelaksanaan pelbagai program berkaitan P&P. Pemantauan yang berterusan dalam bentuk pencapaian petunjuk prestasi juga memastikan aktiviti berjaya dilaksanakan.

Pemantauan dan penambahbaikan berterusan juga merupakan aspek penting dalam pengurusan pelanggan UiTMCK. Sistem pemantauan seperti Sistem Pengurusan Risiko (eRMS), Sistem e-Aduan dan Maklumbalas Pelanggan (SPAM) dan Sistem Pengurusan Fasilitas (FMS) terus digunapakai selain dari soal selidik seperti SuFo dan UiTM Happiness Index. Tambahan pula, hasil inovasi seperti Smart Attendance Management System (SAMS) terus dibangunkan bagi melancarkan terutamanya proses P&P.

Hasil pemantauan berterusan ini semestinya digunakan untuk tujuan **penambahbaikan** yang dilaporkan dalam Mesyuarat Kaji semula Pengurusan (MKSP) dan secara terus kepada PTJ berkaitan. Penghasilan inovasi dan pembangunan projek berkaitan oleh warga UiTMCK adalah manifestasi tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK sentiasa mendukung dan menyokong hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. **Pelan Strategik 2025** menjadi prinsip panduan setiap warga demi memastikan hasrat direalisasikan. Hasil maklum balas pemegang taruh UiTM dijadikan asas kepada kerangka strategik menunjukkan kepentingan pelanggan kepada universiti dalam menggalas hala tuju strategik yang dibentuk. Tumpuan terhadap pelanggan melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengurusan risiko, kajian semula, tindakan penambahbaikan dan amalan serta pembudayaan ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang seterusnya memberikan impak secara langsung terhadap pelanggan.

UiTMCK amat menitik berat dan meneliti sepenuhnya setiap aspek dalam bidang tumpuan yang melibatkan para pelanggan selari dengan **teras strategik** – Pendidikan Berkualiti yang berorientasikan satu **matlamat** – pencapaian 6 Bintang SETARA (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2(1)*). Sifat komited dan dedikasi UiTMCK terhadap perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan, Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), dapat dilihat melalui penganjuran pelbagai inisiatif yang melibatkan dua kumpulan utama iaitu:

1. **Pelanggan Dalaman** yang merupakan pelajar semasa, staf akademik dan staf bukan akademik UiTMCK.
2. **Pelanggan Luaran** terdiri daripada bakal pelajar, alumni, pihak industri, pembekal dan agensi luar.

Pelbagai pendekatan diguna pakai oleh UiTMCK dalam pengenalanpastian kumpulan sasaran. Pendekatan utama ialah melalui pemetaan Objektif UiTMCK 2020-2021 yang dipersembahkan semasa **Amanat Rektor 2021** dengan Kecemerlangan Akademik dijadikan sebagai matlamat utama (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2(2)*). Penerapan elemen digital dalam proses P&P berjaya mengukuhkan nilai teras dan amalan dalam diri pelanggan dalaman khususnya staf akademik dan pelajar semasa. Kejayaan UiTMCK menginsankan pendidikan melalui pemerkasaaan kurikulum abad ke-21 dibuktikan apabila UiTMCK dinobatkan sebagai UiTM Cawangan yang mencapai skor purata pengalaman ODL tertinggi bagi semester Mac-Ogos 2021 (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2(3)*).

Pendekatan yang seterusnya ialah melalui **penglibatan alumni** dalam program 1 Alumni, 1 Laptop yang dijalankan mengikut fasa - Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4. Program Serahan Komputer Riba kepada pelajar B40 telah memanfaatkan 33 orang pelajar sasaran dengan jumlah sumbangan terkumpul bernilai RM38,115.78. Inisiatif seumpama ini membantu pelajar semasa menjalani proses P&P secara dalam talian dalam keadaan yang lebih baik dan sempurna (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2(4)*).

Penghasilan **projek inovasi** yang bertemakan P&P menunjukkan keprihatinan UiTMCK terhadap pencapaian akademik pelajar. Projek bermanfaat ini juga memberi peluang kepada pemain industri untuk turut serta menyumbang ke arah keberhasilan graduan berkualiti. Sebuah aplikasi pembelajaran secara maya bagi kursus Pengurusan Kandungan dan Reka Bentuk Laman Sesawang (IMD311) iaitu projek IM-Vative Sandbox terbukti meningkatkan tahap penguasaan pelajar dan juga bakal pelajar mengenai teknik membangunkan laman sesawang melalui penggunaan bahasa pengaturcaraan HTML dan CSS yang mudah difahami. Inovasi ciptaan pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat UiTMCK ini berjaya mendapat beberapa pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuklah Penarafan Emas, Anugerah IR4.0, Anugerah 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan) dan yang terkini, Anugerah PAR Excellence di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2021 di Hyderabad, India (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2(5)*).

Pendekatan UiTMCK dalam pengenalanpastian kumpulan sasaran ini menunjukkan hubungan simbiosis sebuah institusi dengan para pelanggan demi kebaikan dan kepentingan bersama.

GENERAL NOTE:

1. [K0058_T01_TB02_20221_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB02_20222_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB02_20223_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB02_20224_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB02_20225_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.2\(5\).pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UiTMCK menguruskan data dan maklumat berkaitan pelanggan dengan teliti dan tersusun. Proses yang melibatkan pengumpulan dan penyimpanan data pelanggan adalah signifikan bagi memastikan pelaksanaan program P&P dapat dipantau dan ditambah baik pada masa hadapan.

Sistem *Student Information Management System (SIMS)* digunakan di seluruh sistem UiTM untuk mengumpul maklumat pelanggan utama bidang tumpuan. Maklumat peribadi pelajar, laporan pendaftaran kursus, pencapaian akademik pelajar dan maklumat lain berkaitan keperluan akademik disimpan dengan selamat dan hanya dapat diakses oleh staf akademik dan staf bukan akademik yang tertentu sahaja. Melalui sistem SIMS, kumpulan sasar dapat dikenal pasti supaya mereka dapat menikmati inisiatif strategik yang dibangunkan. Sebagai contoh, akses kepada lima fungsi (2.1 Kemaskini Penasihat Akademik, 2.2 Senarai PA Mengikut Fakulti/Kampus, 2.3 Senarai Pelajar Mengikut PA, 2.4 Senarai Pelajar Anda dan 2.5 Laporan Pencapaian Pelajar PA) pada pautan Penasihat Akademik membolehkan pensyarah memantau pelajar dibawah seliaan mereka dan melaksanakan tugas hal ehwal akademik dengan lebih berkesan (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3(1)*).

Borang Aduan dan Maklum Balas Pelanggan UiTM Cawangan Kelantan V.1 merupakan inisiatif Unit Komunikasi Korporat yang membolehkan UiTMCK mengenalpasti ruang dan peluang penambahbaikan dalam penyampaian dan pengurusan perkhidmatan. Setiap aduan pelanggan akan diminitkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan sebelum tindakan pembetulan dan penyelesaian dapat diambil. Borang aduan dan maklum balas ini boleh didapati di laman sesawang rasmi UiTMCK, dan kod QR pautan borang ini juga turut disediakan di setiap kaunter perkhidmatan (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3(2)*).

Penilaian pengajaran bersifat 360° – ***Teaching Effectiveness Index (TEX)*** – adalah salah satu inisiatif dan tonggak kelima *Education 5.0@UiTM* yang melihat keberkesanan pengajaran pensyarah melalui kerangka holistik dengan penilaian tiga penjurua iaitu i) Penilaian oleh pelajar, ii) Penilaian oleh rakan sekerja dan iii) Penilaian sendiri. Laporan TEX UiTMCK bagi semester Ogos 2021 - Februari 2022 menunjukkan peratusan skor penilaian pengajaran pensyarah yang sangat baik iaitu 89.58% (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3(3)*). Ini membuktikan pensyarah adalah sangat komited dalam pelaksanaan P&P dan sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi memastikan tiada pelajar yang tercicir dalam proses P&P secara dalam talian.

Penglibatan kumpulan sasar dalam aktiviti P&P merupakan hasil pemasaran, pembinaan serta pengurusan penganjuran sesebuah inisiatif. Cabaran mendepani era pandemik mengajar pihak pengurusan menjadi lebih inovatif dalam menggalas tanggungjawab pelaksanaan inisiatif P&P berdasarkan **petunjuk prestasi utama (KPI)**. Sebagai contoh, program mobiliti pelajar (PI11) menunjukkan hasil pencapaian melebihi sasaran tahunan sebanyak 200 peratus manakala pencapaian PI90 – bilangan MoU/MoA antara UiTMCK dan universiti antarabangsa adalah memberangsangkan dengan pembangunan Memorandum Persefahaman (UiTMCK dan Cagayan State University, Haiphong University dan Universitas Al Azhar) dan Memorandum Perjanjian (UiTMCK dan UST Angelicum College, Institut Teknologi Bandung dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara) (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3(4)*).

Jalinan kerjasama strategik antara UiTMCK, universiti luar dan pihak industri membuktikan keterlibatan pelanggan dalam bidang P&P. Penganjuran webinar menghasilkan pencapaian diluar jangka apabila projek kolaborasi memberi peluang kepada pensyarah UiTMCK menimba pengalaman sebagai Pensyarah Pelawat di universiti luar negara. Selain itu, UiTM-Oracle Academy Day 2021 memberi peluang kepada pelajar untuk merasai pengalaman menuntut ilmu berkenaan penggunaan platform Oracle dalam P&P daripada pakar Oracle sendiri (*Rujuk*

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_T01_TB03_20221_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB03_20222_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB03_20223_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB03_20224_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB03_20225_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam menyokong aspirasi Pendidikan Berkualiti, tahun 2021 menyaksikan banyak lantikan **Pensyarah Pelawat** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1(1)*) daripada UiTMCK oleh universiti luar negara. Ini menunjukkan komitmen padu pihak UiTMCK dalam memastikan kelestarian pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja untuk pelajar UiTM, malah memberi manfaat kepada pensyarah serta bakal pelajar UiTMCK. Ini juga menunjukkan pengiktirafan institusi pendidikan tinggi antarabangsa Thailand dan Indonesia) kepada proses P&P yang dijalankan oleh UiTMCK khususnya. Selain itu, pelanggan luaran juga menerima ganjaran apabila pihak pelanggan dalam UiTMCK dilantik sebagai Pakar Rujuk dalam pelbagai bidang oleh institusi pendidikan diiktiraf yang lain.

Di peringkat UiTMCK sendiri, staf akademik sentiasa ditawarkan dengan pelbagai **program akademik** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1(2)*) sama ada berbentuk bual bicara secara lebih santai atau berbentuk praktikal. Contohnya seperti program Grooming for Promotion: The Path To Professorship (Siri 1 & Siri 2) yang bertumpu kepada proses membentuk dan menyiapkan para pensyarah ke arah meningkatkan mutu P&P dan seterusnya melahirkan lebih ramai graduan cemerlang. Program seperti Guest Lecture Series 1 for ICT 2021 (4 siri) juga dijalankan dengan kerjasama Universitas Komputer Indonesia bagi menyediakan para pelajar dan pensyarah UiTMCK segala keperluan untuk berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing dalam ICT.

Alumni UiTMCK yang merupakan antara penerima ganjaran berimpak tinggi turut tidak ketinggalan dalam tumpuan. Pihak **Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK)** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1(3)*) mengambil inisiatif membuat kutipan dan menukarkan kepada sumbangan berbentuk komputer riba kepada pelajar daripada golongan B40 bagi membuktikan perhatian tinggi yang diberikan terhadap para pelanggan dalaman (pelajar) supaya proses P&P mereka berjalan lancar.

Penglibatan agensi luar (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1(4)*) dalam membantu meningkatkan keberkesanan proses P&P diterjemahkan melalui penganjuran Program UiTM-Oracle Academy Day yang melibatkan peserta terdiri daripada pengurusan atasan Oracle Malaysia, Asia Pasifik dan Jepun, para pensyarah dan para pelajar ini secara jelas memberi manfaat secara langsung kepada proses P&P. Bagi terus memastikan perkembangan bidang pendidikan, pihak UiTMCK dengan **kerjasama rakan-rakan universiti tempatan dan antarabangsa** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1(5)*) juga gigih menganjurkan konferensi akademik yang bertumpu sama ada kepada penyelidikan dan inovasi.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_T01_TB04_TC01_20221_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB04_TC01_20222_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB04_TC01_20223_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB04_TC01_20224_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB04_TC01_20225_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1\(5\).pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko tahap ekstrem yang dilaporkan dan sedikit sebanyak mengganggu proses P&P adalah berkaitan masalah utama iaitu **capaian internet dan infrastruktur**

P&P (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2(1)) kerana ia melibatkan P&P secara dalam talian. Kedua-dua pihak, pensyarah dan pelajar tidak dapat menjalankan P&P secara berkesan yang mana menyebabkan kesulitan untuk para pelajar menyiapkan tugas yang diberikan. Para pensyarah juga tidak dapat menyampaikan P&P kepada semua pelajar secara menyeluruh kerana isu ini berbeza dalam kalangan para pelajar disebabkan faktor yang berlainan. Peralatan dan kemudahan yang membantu proses P&P seperti komputer di Makmal Komputer dan bilik kuliah turut terjejas kerana **semakan dan penyelenggaraan peralatan** (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2(2)) tidak dapat dilaksanakan. ini menyebabkan risiko komputer tidak berfungsi dengan baik dan mengganggu proses P&P yang berkesan dan efisien.

Di antara risiko tahap sederhana tinggi yang menjejaskan perjalanan proses P&P adalah berkaitan pengurusan **bayaran elaun pelajar praktikal** (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2(3)). Pelanggan dalaman (pelajar) tidak dapat membuat tuntutan bayaran elaun praktikal kerana dokumen *hardcopy* yang sudah lengkap disediakan tidak dapat dihantar ke Bahagian Pentadbiran disebabkan kekangan PKP pada ketika itu.

Selain itu, **aktiviti melibatkan pencapaian KPI** (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2(4)) juga tidak dapat dijalankan kerana pematuhan kepada Prosedur Standard Operasi (SOP) yang ditetapkan. Di antara SOP yang perlu dipatuhi dan menjadi risiko tahap sederhana kepada bidang tumpuan pelanggan adalah pemakaian pelitup muka serta penjarakan sosial. Aktiviti P&P seperti sesi **kuliah dan tutorial dalam bengkel** akan turut terjejas dan kurang berkesan pensyarah tidak dapat menyampaikan ilmu secara menyeluruh dan pelajar tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap ilmu yang disampaikan.

Setiap risiko dikenal pasti secara mendalam termasuk punca risiko, impak risiko kepada pelanggan terutama berkaitan P&P, serta yang paling utama iaitu mencari penyelesaian kepada risiko-risiko berkaitan tanpa mengira tahap. **Mesyuarat** yang melibatkan pemilik risiko serta pihak pengurusan diadakan secara berkala bagi meneliti segala aspek risiko, dan mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian.

Pemantauan terhadap pengurusan risiko (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2(5)) juga dibuat dengan meletakkan indikator kepada tindakan susulan serta tempoh masa yang diambil bagi menyelesaikan risiko yang didaftarkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_T01_TB04_TC02_20221_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB04_TC02_20222_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB04_TC02_20223_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB04_TC02_20224_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB04_TC02_20225_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2\(5\).pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Maklum balas pelanggan merupakan aspek penting untuk penambahbaikan sesuatu organisasi atau program. Maklum balas perlu dilihat sebagai satu bukti bahawa pelanggan sedar tentang kewujudan sesebuah organisasi atau program, menggunakan perkhidmatan ditawarkan atau terlibat dengan program, dan membuat aduan untuk tujuan penambahbaikan.

Oleh yang demikian, pihak pengurusan UiTMCK tidak memandang enteng setiap aduan yang dibuat mengenai proses P&P dan mengambil langkah sewajarnya dalam membuat tindakan. Terdapat beberapa langkah dan prosedur yang perlu diambil kira dalam mengenal pasti serta menguruskan aduan pelanggan. Antara langkah awal adalah dengan **mengenal pasti pihak bertanggungjawab** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3(1)*) untuk setiap aduan yang dibuat. Ini adalah memastikan bahawa tindakan yang diambil adalah bertepatan dan bersesuaian dengan aduan yang dibuat. Sebagai contoh, aduan yang melibatkan proses P&P akan dimajukan kepada pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTMCK terlebih dahulu. Kemudian, **mesyuarat atau perbincangan** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3(2)*) diadakan dengan pihak-pihak berkenaan, contohnya Ketua Pusat Pengajian (KPP), Penyelaras Program (PP), serta Timbalan Pendaftar. Perbincangan dan keputusan yang dibuat dengan merujuk kepada pekeliling-pekeliling berkenaan akan **diminitkan** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3(3)*) sebagai bukti dokumentasi kepada tindakan yang diambil terhadap aduan pelanggan sama ada dalaman atau luaran. Pihak pengadu (pelanggan) akan menilai tindakan serta kaedah penyelesaian yang diambil tanpa prejudis.

Selain itu, perbincangan juga diadakan oleh pihak UiTMCK bagi mengenal pasti **tindakan pencegahan** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3(4)*) yang perlu diambil bagi mengelakkan aduan sama berulang. Tindakan pencegahan ini menunjukkan tahap keprihatinan pihak pengurusan terhadap aduan yang dibuat. Sebagai contoh, aduan berkaitan proses P&P secara dalam talian yang dijalankan perlu diselesaikan dalam tempoh yang diberi secara pantas dan mengambil langkah pemantauan atau pemakluman dan peringatan pekeliling kepada pihak berkenaan. Aduan yang berulang akan menjejaskan pelaksanaan proses P&P berkesan dan mencemarkan reputasi sesebuah organisasi.

Tindakan **pencegahan** (*Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3(5)*) juga perlu disertakan dengan tindakan pembetulan terhadap aduan yang dibuat. Keberkesanan tindakan penyelesaian sahaja masih belum mencukupi jika tiada tindakan pembetulan yang dibuat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_T01_TB04_TC03_20221_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB04_TC03_20222_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB04_TC03_20223_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB04_TC03_20224_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB04_TC03_20225_UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3\(5\).pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun mencabar apabila ancaman Covid-19 masih lagi berleluasa di Malaysia. UiTMCK juga terkesan apabila P&P terpaksa diteruskan secara dalam talian dan pelbagai aktiviti melibatkan warganya tergendala. Namun begitu, hasil komitmen jitu dan pembudayaan khidmat cemerlang bagi para pelanggan, UiTMCK menyahut cabaran dengan cara tersendiri.

Penghasilan inovasi berkualiti merupakan salah satu kebanggaan warga UiTMCK. Hasil demi hasil dalam pelbagai bidang dan pertandingan sentiasa dicipta dalam memastikan UiTMCK tidak ketinggalan dalam memenuhi piagam pelanggan dan memberi perkhidmatan nilai tambah kepada pelanggannya. Bertepatan dengan bidang tumpuan P&P, UiTMCK berbangga dengan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) IM-VATIVE yang bertaraf antarabangsa menghasilkan pelbagai projek inovasi seperti platform 'e-learning', 'Sandbox' dan 'Smart Attendance Management System (SAMS)'. Pengesanan dan penyelesaian permasalahan P&P merupakan pemangkin idea untuk projek-projek inovasi seperti 'Sandbox' yang memudahkan pembelajaran teg HTML dan SAMS yang melancarkan proses menangani masalah ketidakhadiran pelajar. Selain memenangi pelbagai anugerah seperti Anugerah Emas Mini Konvensyen KIK UiTM Zon Timur 2021 dan Anugerah Emas Regional Innovative Showcase On Team Excellence (RISTEx) 2021, IM-VATIVE telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan Anugerah 'Par-Excellence' di Hyderabad, India (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan_3.5(1)) dan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan_3.5(2)). Hasil inovasi ini juga bahkan digunapakai di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Seterusnya, antara inovasi berkaitan P&P lain yang dibangunkan adalah 'Public Administration e-Pictionary' yang merupakan satu aplikasi menghimpunkan perkataan-perkataan khas atau terminologi yang digunakan dalam bidang Pentadbiran Awam yang boleh didapati di Google Playstore. Setiap terminologi disertakan gambar untuk meningkatkan kefahaman dan menguatkan daya ingatan pelajar seterusnya membantu mereka terutamanya sewaktu pembentangan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan_3.5(3)).

Selain itu, satu program pensijilan "Data Camp: Certified Python Programmer dan Data Analyst with R" telah diadakan dalam bentuk beberapa siri. Program ini adalah selari dengan visi dan misi UiTM untuk menghasilkan 'Data Profesional'. Program pensijilan ini akan memberi nilai tambah kepada graduan UiTM dengan kemahiran data analitik agar memenuhi permintaan dari industri di era industri revolusi 4.0 (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan_3.5(4)).

UiTMCK sentiasa komited dalam mendokong aspirasi dan segala bentuk penambahbaikan UiTM Malaysia. Ini dapat dilihat apabila UiTMCK merupakan kampus terpilih untuk menguji lari sistem 'ICRESS VERS. 2' yang dibangunkan Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM. Menggunakan sistem di peringkat pembangunan memerlukan komitmen dan toleransi yang tinggi dan UiTMCK terbukti dapat menyahut cabaran ini apabila pelbagai maklumbalas dapat diberikan bagi memperbaiki sistem tersebut (Rujuk UiTMCK_Lampiran Tumpuan Pelanggan_3.5(5)).

Oleh itu, melihatkan pelbagai hasil inovasi dan program nilai tambah dijalankan, ternyata UiTMCK sentiasa berusaha memberi khidmat cemerlang kepada pelanggan terutamanya dalam bidang hakiki P&P.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_T01_TB05_20221_UiTMCK_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.5\(1\).pdf](#)
2. [K0058_T01_TB05_20222_UiTMCK_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.5\(2\).pdf](#)
3. [K0058_T01_TB05_20223_UiTMCK_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.5\(3\).pdf](#)
4. [K0058_T01_TB05_20224_UiTMCK_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.5\(4\).pdf](#)
5. [K0058_T01_TB05_20225_UiTMCK_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.5\(5\).pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses pengukuran, analisis maklumat dan pengurusan pengetahuan merupakan elemen yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) tidak terkecuali dalam hal ini dimana ianya akan dapat memberi impak yang tinggi terutamanya dari aspek pengumpulan data secara berkala, merekod, membuat penilaian, menganalisa dan membuat pemantauan berterusan. Ianyanya bersesuaian dengan tema yang dipilih iaitu Pengajaran dan Pembelajaran.

Di UiTMCK, data berkaitan akan dikumpul secara berkala bertujuan untuk penilaian dan analisis. Seterusnya, hasil dari penilaian dan analisis tersebut akan digunakan untuk menambahbaik pelaksanaan polisi serta memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di samping meningkatkan pembangunan pelajar di UiTMCK.

UiTMCK sebagai sebuah organisasi yang dinamik dan mempunyai pendekatan tersendiri bagi mengukur pencapaian prestasinya. Pendekatan ini diilhamkan melalui keadaan semasa atau permasalahan terkini yang dihadapi. Ianya kemudian dilakukan beberapa inovasi untuk tujuan penambahbaikan berterusan bagi mencapai prestasi yang menyeluruh dan konsisten. Oleh itu, UiTMCK dapat meningkatkan prestasinya demi mencapai objektif, misi, visi dan falsafahnya

Pihak Pengurusan Tertinggi UiTMCK dalam memastikan pusat-pusat yang dipertanggungjawabkan merekod, menganalisis, menterjemah dan mencari punca setiap permasalahan yang timbul bagi meningkat mutu penyampaian kepada pelanggan, melalui data-data yang telah diperolehi dari pelbagai sumber.

Pengumpulan data dalam UiTMCK juga menggunakan sistem yang dipanggil Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS). Staf yang mengenalpasti risiko ini boleh mengisi maklumat tersebut di dalam system e-RMS bagi memudahkan proses pengumpulan data agar tindakan dapat diambil dengan lebih efektif.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) memainkan peranan yang penting dalam menyokong proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di UiTMCK. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan, yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang berpengalaman (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.2 (1)). Jawatankuasa-jawatankuasa ini berfungsi sebagai pakar rujuk dan agen perubahan dalam memastikan proses P&P yang dijalankan di UiTMCK ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Para pensyarah di UiTMCK juga menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam bidang masing-masing. Pelbagai kejayaan telah berjaya dicapai antaranya pembiayaan geran penyelidikan, pelantikan sebagai pensyarah pelawat, pakar rujuk dalam bidang masing-masing dan juga penerbitan dalam jurnal-jurnal berindeks (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.2(2)). Pemakluman pencapaian ini dilakukan dalam kalangan warga UiTMCK sebagai kredit atas usaha mereka, selain menjadi motivasi kepada warga kerja yang lain. Kesemua pencapaian ini kemudiannya dimetakan selaras dengan Key Performance Indicator (KPI) yang telah berikan oleh kampus induk, dan UiTMCK telah berjaya disenarai pendek sebagai kampus yang telah berjaya mencapai skor 85% ke atas atau pencapaian 6 bintang untuk skor I-UiTM oleh Bahagian Transformasi Universiti.

Selain itu, dalam memastikan profesionalisme dan kredibiliti pensyarah sentiasa pada tahap optimum, maklumbalas yang diberikan oleh pelajar juga diambil kira untuk penambahbaikan proses P&P. Data-data yang dikumpul melalui Student Feedback Online (SuFO) seterusnya dianalisa dan cadangan penambahbaikan dimajukan agar perancangan strategik yang lebih efektif dan berkesan dan dirangka, sebagai contoh pemerksaan peranan Penasihat Akademik. (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.2(3)). UiTMCK juga menunjukkan pencapaian yang baik bagi Teaching Effectiveness Index (TEX) dengan purata skor 88.08%, dimana P&P yang dijalankan berpusatkan kepada pelajar, selain penekanan model ADAB. Pelbagai program turut dianjurkan untuk pemerksaan proses pengajaran dalam kalangan pensyarah.

Di UiTMCK, fokus proses P&P tidak hanya tertumpu kepada penyampaian kandungan kursus dalam bilik kuliah, tetapi juga meliputi pembangunan kemahiran insaniah. Pelbagai aktiviti berbentuk pembangunan sendiri telah berjaya dianjurkan oleh pihak fakulti mahupun persatuan-persatuan pelajar khusus untuk pembangunan sendiri pelajar di UiTMCK dan mendapat sokongan sepenuhnya dari pihak pengurusan UiTMCK (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.2 (4)). Permohonan penganjuran program dilakukan oleh pelajar melalui sistem KW3P yang dibangunkan oleh BHEA UiTMCK. Sistem ini merupakan sokongan pihak UiTMCK dalam menggalakkan penganjuran program-program dalam kalangan pelajar. Inisiatif ini merupakan hasrat UiTMCK dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang pengajian masing-masing, tetapi juga pembangunan kemahiran peribadi.

Secara keseluruhannya, inisiatif yang diambil oleh UiTMCK dalam pembangunan warga kerja juga pelajar memberikan hasil yang memberangsangkan. Dapatan dari SuFO menunjukkan skor melebihi 85% yang menunjukkan bahawa keberhasilan inisiatif yang telah dilakukan dalam memantapkan ekosistem pembelajaran di UiTMCK. Selain itu, nilai purata belajar yang bergraduasi mengikut tempoh (GOT) pada tahun 2021 juga melebihi 90%. Bagi warga kerja pula, skor bagi UiTM Happiness Index 4.0 menunjukkan peningkatan sebanyak 2% untuk tahun 2021, iaitu 75%. Ini menyatakan bahawa UiTMCK menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dan persekitaran kerja yang kondusif bagi warganya menjalankan tugas seharian (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.2 (5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_A01_AB02_20221_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB02_20222_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.2 \(2\).pdf](#)

3. [K0058_A01_AB02_20223_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_A01_AB02_20224_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_A01_AB02_20225_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.2 \(5\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran sistem utama UiTMCK telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun 2021 di mana data telah dikumpul, dan dianalisa mengikut kekerapan dan tempoh masa yang telah ditetapkan. Data-data tersebut yang diperolehi telah dianalisa dengan kadar segera dan tindakan yang sewajarnya telah diambil berdasarkan cadangan penambahbaikan berterusan yang dimajukan kepada setiap unit, PTJ dan bahagian-bahagian yang terlibat. *Lampiran 4.3 (1), 4.3(2), 4.3(3)* menunjukkan secara ringkas sumber ukuran, kekerapan data dikumpul dan dianalisa, maklumat data, capaian data dan kegunaan hasil analisa data untuk penambahbaikan prestasi dan perkongsian maklumat sistem utama UiTMCK. Maklumbalas dan penambahbaikan bagi setiap sumber ukuran telah di perincikan dan di kenalpasti bagi meningkatkan prestasi pensyarah dan juga pelajar serta PTJ yang terlibat.

Pelaksanaan instrumen-instrumen pengukuran juga turut diperluaskan ke akar umbi dimana semua pensyarah dan pelajar terlibat secara langsung dalam meningkatkan prestasi pelajar, pensyarah, fakulti dan seterusnya UiTM Cawangan Kelantan. Sebagai contoh, tumpuan kepada pelajar diukur dengan mengambilkira peratusan pelajar yang bergraduan tepat masa (GOT) (purata melebihi 94%), peratusan pelajar yang mendapat CGPA melebihi 3.0 (purata melebihi 85%) dan bilangan pelajar yang berjaya mendapat biasiswa berjumlah 33 orang. Peratusan pelajar yang gagal dalam peperiksaan (purata 0.42%) juga telah dianalisa dan dikenalpasti bagi mengurangkan peratusan dan mengelakkan masalah ini daripada berlanjutan. Pencapaian pelajar dalam akademik seperti peratusan pelajar yang mendapat anugerah dekan (purata melebihi 47%) dan ANC (purata melebihi 12%) turut dicatat didalam rekod pencapaian pelajar. Selain itu, pencapaian pelajar yang menerima pingat dan pengiktirafan dari agensi luar turut dan di beri sanjungan dan di catat dalam rekod pencapaian pelajar.

Tumpuan kepada pensyarah pula di ukur dan dinilai melalui rekod laporan SUFO (melebihi 88%) dan CDL-CQI (purata 3.59, status:bagus) bagi setiap semester. Penambahbaikan dibuat bagi mengurangkan masalah yang sama daripada berlaku pada semester berikutnya. Selain daripada itu, pensyarah turut di lantik sebagai penasihat akademik bagi memberi khidmat nasihat kepada sekumpulan pelajar di bawah selian mereka. Sebagai rujukan, manual penasihat akademik serta borang kehadiran pelajar dibekalkan bagi membantu pensyarah tersebut. Pelbagai program penasihat akademik (3 program) dan program mentor mentee (4 program) telah dirangka dan dijalankan bagi membantu melancarkan lagi proses penasihat akademik. Selain itu, pencapaian pensyarah yang terlibat dalam inovasi pengajaran seperti bilangan MOOC yang dibangunkan (6 MOOC) dan pensyarah yang terlibat dalam membangunkan MOOC (31 orang). Sebanyak 61.9% MOOC telah Berjaya disiapkan dan lengkap sepenuhnya. Bilangan pingat dalam pertandingan inovasi (purata 149 pingat) dan pengiktirafan daripada agensi luar turut direkod di dalam rekod pencapaian pensyarah. Hasil inovasi itu juga telah di daftarkan dengan *copyright* (20 pendaftaran) bagi mengelakkan daripada plagiat berlaku. Pensyarah juga menjadi perunding bagi beberapa sesi perundingan dengan agensi luar (10 perundingan) dan seterusnya berjaya mendapat geran (jumlah RM411,550) bagi melancarkan penyelidikan tersebut. Di akhir tahun, pensyarah akan di nilai melalui proses LNPT (78.8% pensyarah melebihi LNPT 80%) bagi mengukur prestasi semasa tahun 2021 di mana penambahbaikan akan di buat pada tahun berikutnya. Semua maklumat aktiviti, program dan juga latihan dan juga pencapaian boleh dilihat secara terus dan dikongsi tanpa had dan sempadan oleh warga UiTMCK menerusi saluran yang disenaraikan di dalam *Lampiran Pengukuran 4.3 (4), 4.3(5)*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_A01_AB03_20221_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB03_20222_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_A01_AB03_20223_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.3\(3\).pdf](#)

-
4. [K0058_A01_AB03_20224_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.3\(4\).pdf](#)
 5. [K0058_A01_AB03_20225_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian sistem utama UiTMCK telah dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kepada kekerapan analisa yang telah ditetapkan. Pencapaian ini telah dipantau oleh pegawai-pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada koordinator, penyelaras atau staf yang telah dilantik bagi menguruskan data dan analisa terlibat. *Lampiran Pengukuran 4.4.1 (1), 4.4.1(2), 4.4.1(3), 4.4.1(4), 4.4.1(5)* menunjukkan ringkasan pemantauan berdasarkan bidang tumpuan PTJ masing-masing.

UiTMCK juga telah menubuhkan enam jawatankuasa pemantauan untuk memantau dan memastikan segala perancangan dan pengurusan operasi mencapai sasaran tahunan seperti berikut:

1. Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN). Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan akademik di UiTMCK.
2. Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia Negeri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan markah LNPT, APC, biasiswa pensyarah dan meluluskan latihan serta pembangunan sumber manusia.
3. Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengambilan dan penempatan sumber manusia, penyambungan kontrak staf akademik, pengesahan ke dalam perkhidmatan staf dan kenaikan pangkat staf.
4. Jawatankuasa AKRK UiTMCK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab melaporkan semua perancangan dan pelaksanaan bagi setiap PTJ di UiTMCK.
5. Jawatankuasa Unit Transformasi Universiti. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau perancangan dan pelaksanaan bagi setiap PTJ dan membuat analisa bagi melihat tren pencapaian tahunan UiTMCK.
6. Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab di dalam pengawasan dan pengurusan risiko UiTMCK. Jawatankuasa ini memastikan sumber dan sistem diwujudkan untuk pengurusan risiko, di samping menyediakan laporan secara berkala pengurusan risiko dan cadangan maklum balas untuk tindakan susulan terhadap risiko tersebut.

Selain itu, UiTMCK juga telah diaudit oleh penilai-penilai luar yang dilantik oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) UiTM Malaysia. Audit ini dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Malaysian Qualification Agency (MQA). UiTMCK turut melalui penilaian akreditasi daripada badan-badan profesional dari dalam dan juga luar negara seperti ACCA, dan juga MBOT.

Hasil pemantauan seperti laporan pencapaian objektif strategik UiTMCK, dapatan audit dan status pencapaian KPI telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) UiTMCK yang diadakan mengikut keperluan semasa. Hasil pemantauan turut digunakan untuk kajian semula pengurusan dan menghasilkan inovasi yang boleh meningkatkan kompetensi unit dan menambahbaik prestasi PTJ.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_A01_AB04_AC01_20221_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB04_AC01_20222_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0058_A01_AB04_AC01_20223_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0058_A01_AB04_AC01_20224_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0058_A01_AB04_AC01_20225_UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.4.1\(5\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi mendepani risiko yang mungkin berlaku, amat penting bagi sebuah institusi untuk mengenal pasti risiko. Oleh yang demikian, dalam mengenal pasti risiko yang melibatkan P&P, UiTMCK menitikberatkan aspek pengumpulan data dimana data yang dikumpul akan dibuat analisa oleh PTJ yang dilantik. Pengumpulan data ini menggunakan sistem yang dipanggil Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2(1)**). Staf yang mengenalpasti risiko ini boleh mengisi maklumat tersebut di dalam system e-RMS bagi memudahkan proses pengumpulan data agar tindakan dapat diambil dengan lebih efektif. Sistem ini boleh diakses oleh Penyelaras Risiko melalui pautan <https://erms.uitm.edu.my/>.

Berdasarkan senarai risiko tahun 2021 yang didaftarkan (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2(2)**), risiko melibatkan P&P telah dikenalpasti. Risiko tersebut adalah seperti berikut:

1. Proses semakan komputer di makmal komputer dan bilik kuliah tidak dapat dilaksanakan sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) kerana staf tidak boleh masuk ke pejabat menyebabkan risiko komputer tidak dapat berfungsi sepenuhnya dan boleh menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran pada masa akan datang.
2. Masalah capaian internet dan infrastruktur P&P di rumah mengganggu proses P&P secara ODL. Kesannya pensyarah tidak dapat menyampaikan kuliah kepada pelajar dengan berkesan. Pelajar juga sukar menyelesaikan tugas yang diberi pensyarah disebabkan oleh kekangan ini.
3. Kebocoran siling berlaku di Perpustakaan Tengku Anis (PTA) seperti di Bilik IT, Ruang Belajar, dan Aras 1. Kebocoran ini terjadi disebabkan oleh bumbung yang bocor menyebabkan air meresap masuk ke dalam siling. Kontraktor pembaikan bumbung memaklumkan telah mengambil tindakan tetapi masalah masih berlaku.
4. Pelajar tidak dapat dihubungi dalam melaksanakan penilaian pentaksiran. Pelajar mengelak ketika dihubungi dan ada yang langsung tidak dapat dihubungi. Sikap pelajar yang tidak bersedia dalam melaksanakan penilaian tersebut memberi kesan kepada pensyarah dalam proses penilaian markah kepada pelajar tersebut dan juga kepada kod tersebut secara keseluruhan.

Selain sistem e-RMS, risiko berkaitan P&P dapat disalurkan kepada sistem *University IT Services* (UNITS) yang dikendalikan oleh Bahagian Infostruktur UiTMCK (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2(3)**). Sistem UNITS menerima semua laporan yang berkaitan dengan ICT. Bagi menyalurkan aduan yang berkaitan dengan fasiliti yang melibatkan P&P seperti masalah bilik kuliah, ruang kerja pensyarah dan lain-lain, UiTMCK menggunakan sistem e-Aduan Fasiliti yang dikendalikan oleh Bahagian Fasiliti UiTMCK (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2(4)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_A01_AB04_AC02_20221_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB04_AC02_20222_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_A01_AB04_AC02_20223_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_A01_AB04_AC02_20224_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.2\(4\).pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi menjamin kualiti P&P di tahap yang baik, UiTMCK sentiasa memastikan setiap risiko yang didaftarkan akan diambil tindakan sewajarnya. Risiko tersebut juga akan dikaji semula supaya tindakan penambahbaikan dilakukan mengikut prosedur yang betul. Tindakan penambahbaikan ini penting bagi mengurangkan kebarangkalian terjadi semula risiko ini.

Risiko yang telah dikenalpasti akan dinilai dan diklasifikasi mengikut kategori. Penentuan klasifikasi risiko ini ditetapkan di peringkat Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Tiga peringkat klasifikasi risiko adalah rendah, sederhana dan ekstrem. Setiap risiko yang dikenalpasti ini akan dibentangkan di dalam MKSP supaya ia dapat mempercepatkan lagi tindakan susulan serta tindakan penambahbaikan (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3(1)**). Risiko ini juga akan melalui proses pemantauan supaya semua risiko diambil tindakan. Laporan dan analisa setiap risiko yang didaftarkan akan dilakukan bagi tujuan kajian semula dan penambahbaikan dan seterusnya akan dikemaskini mengikut status terkini pada mesyuarat seterusnya. Bagi memastikan penambahbaikan dilakukan, mesyuarat secara berkala akan dilakukan supaya setiap permasalahan yang timbul dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera.

Di dalam sistem e-RMS, boleh dilihat setiap risiko yang didaftarkan telah diambil tindakan atau tidak (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3(2)**). Ia dapat membantu PTJ menilai semula setiap risiko untuk tujuan penambahbaikan. Pada tahun 2021, antara risiko yang didaftarkan adalah berkenaan dengan kesukaran capaian internet oleh pensyarah dalam menjalankan kuliah secara dalam talian. Bagi mengatasi masalah ini, UiTMCK telah memberi kelonggaran kepada pensyarah yang mempunyai kekangan internet di rumah untuk hadir ke pejabat bagi melaksanakan urusan P&P dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3(3)**). Keputusan ini juga dilakukan dengan merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bilangan 1 Tahun 2021 (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3(4)**) yang mana membenarkan staf hadir ke pejabat apabila benar-benar perlu. Tindakan penambahbaikan ini dibantu oleh Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) di bawah pengurusan Unit Risiko.

Di samping itu, sistem UNITS dan sistem e-Aduan Fasilitas yang boleh memaparkan senarai aduan yang melibatkan P&P juga membantu dalam mengkaji semula setiap risiko dan tindakan penambahbaikan yang lebih efisien. Dengan adanya sistem-sistem seperti ini, pihak PTJ boleh menyemak secara terus status setiap aduan sama ada telah diambil tindakan ataupun tidak (**Rujuk UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3(5)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_A01_AB04_AC03_20221_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB04_AC03_20222_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0058_A01_AB04_AC03_20223_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_A01_AB04_AC03_20224_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_A01_AB04_AC03_20225_UiTMCK_LAMPIRAN PENGUKURAN 4.4.3\(5\).pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan dan pencapaian warga UiTMCK dikongsikan dari semasa ke semasa, tidak kira warga kerja mahupun pelajar. Pemakluman pencapaian mereka ini diwar-warkan melalui hebahan email rasmi UiTM juga saluran media sosial rasmi UiTMCK (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.5 (1)). Perkongsian ini bertujuan untuk memaklumkan perkembangan, pencapaian juga aktiviti semasa yang telah berjaya diperolehi sebagai makluman kepada semua warga UiTMCK juga kepada orang awam. Bagi hasil analisa yang bersifat dalaman, ianya dikongsi oleh PTJ yang berkenaan kepada warga UiTMCK menerusi mesyuarat tertutup yang dihadiri oleh warga kerja UiTMCK sahaja, sebagai contoh Mesyuarat Akademik (UiTMCK_Lampiran Pengukuran – 4.5 (2)).

Selain itu, E-Buletin UiTMCK yang diterbitkan dua kali setahun juga merupakan platform penyampaian kepada warga kerja di UiTMCK. E-Buletin terbitan Unit Korporat dan Komunikasi merangkumi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang setengah tahun, selain pencapaian staf dan juga pelajar. Hebahan ini secara tidak langsung memberi gambaran kepada orang awam bahawa UiTMCK merupakan institusi Pendidikan Awam yang cakna terhadap pemegang taruh, iaitu staf, pelajar juga orang awam. UiTMCK sering kali menjadi tumpuan dalam kalangan organisasi-organisasi luar untuk jalinan kerjasama dan rujukan bidang-bidang tertentu (UiTMCK_Lampiran Pengukuran (3)). Situasi ini secara tidak langsung meningkatkan ketampakan UiTMCK di negeri Kelantan. Unit Transformasi Universiti (UTU) juga telah mewujudkan Google Classroom untuk warga kerja UiTMCK mendapatkan maklumat berkenaan dengan KPI dan juga pencapaian terkini kampus.

UiTMCK mengambil berat berkenaan hal ehwal kebajikan pelajar. pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam memastikan kebajikan pelajar dan juga warga terjaga. Selain itu, aduan mahupun cadangan penambahbaikan boleh disalurkan secara terus kepada PTJ yang berkenaan untuk tindakan lanjut. Pemeriksaan berkala juga dilakukan dikolej kediaman dan juga bilik kuliah bagi memastikan suasana yang kondusif diwujudkan bagi keselesaan pelajar. Bagi pelajar non-resident (NR), pegawai NR yang telah dilantik boleh mereka hubungi pada bila-bila masa sekiranya menghadapi sebarang permasalahan. Perjumpaan berkala juga diaturkan oleh pihak NR bersama-sama pelajar bagi memastikan tiada pelajar yang diabaikan walaupun tidak menetap di kolej kediaman. (UiTMCK_Lampiran Pengukuran 4.5. (4))

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_A01_AB05_20221_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_A01_AB05_20222_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_A01_AB05_20223_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.5 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_A01_AB05_20224_UiTMCK_Lampiran Pengukuran - 4.5 \(4\).pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Mendepani pandemik COVID-19 semasa mengorak langkah menjadikan UiTM sebagai *Globally Renowned University* (GRU 2025) menjelang tahun 2025 memerlukan penggunaan sumber manusia di UiTMCK secara efisien bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Bersumberkan kekuatan 633 orang staf dengan 347 adalah staf akademik memberi kelebihan kepada UiTMCK dalam menguruskan proses P&P dengan 21% (72 orang) staf akademik berkelayakan PhD. Peningkatan 11% staf memiliki PhD berbanding tahun 2020 membantu proses P&P ke arah pengantarabangsaan disamping beberapa staf akademik merupakan ahli kepada badan-badan/pertubuhan profesional seperti The Chartered Institute of Management Accountants dan The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy. Pelbagai mesyuarat dijalankan di antara barisan tertinggi UiTMCK dengan staf bagi menjelaskan strategi yang perlu dilaksanakan termasuklah taklimat dari Ketua Pusat Pengajian dan Penyelaras Program dalam Program Education 5.0 bagi memotivasikan para pelajar mengharungi pembelajaran dalam keadaan yang mencabar. Prihatin dengan para pelajar yang terkesan dengan pandemik COVID-19, bantuan seperti penyerahan komputer riba kepada pelajar dari keluarga kumpulan B40 dilaksanakan. Latihan kemahiran dan sokongan aktiviti P&P serta kecekapan staf dalam penggunaan elemen teknologi terkini dilaksanakan oleh pelbagai unit seperti unit pentadbiran, unit iLearn, unit Latihan & Kepimpinan, unit Kurikulum dan Penilaian Akademik (UKPA) dan lain-lain. Antaranya ialah Taklimat i-Learn/SUFO/EES, Program Klinik Matematik untuk Kursus Matematik dan Pengaturcaraan, Program Grooming For Academic And Character Excellence (GRACE) dan Rundingan Pemerksaan Pembelajaran Atas Talian UiTMCK Kampus Kota Bharu-Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Aktiviti pengantarabangsaan juga dilaksanakan seperti MOU/MOA dengan beberapa universiti antarabangsa seperti Universitas Al-Azhar (Indonesia), Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (Indonesia) dan Cagayan State University (Filipina). Sistem penyampaian P&P (KW3P, PRIME, UFUTURE, HR2U, eRMS, SPAM, FMS, icress, UNITS) juga dipertingkatkan untuk kepuasan dan keselesaan staf akademik dan pelajar disamping mencapai PI yang disasarkan pada UiTMCK. Geran penyelidikan dan penulisan juga banyak membantu kelancaran P&P UiTMCK menghasilkan graduan yang berkualiti. Hasil ini membolehkan UiTMCK mendapat Pencapaian 6 Bintang Prestasi Penilaian Akademik Sesi Oktober 2020 – Februari 2021 bagi diploma. Pemantauan berterusan disamping mengenalpasti dan mencegah risiko daripada pelaksanaan sistem dan aktiviti tersebut dilaksanakan seperti UiTM Happiness Index (UHI), Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Borang Aduan Maklumbalas Pelanggan, Sistem Pengurusan Aduan dan Maklumbalas (SPAM) dan Sistem FMS. Laporan penganjuran aktiviti meliputi impak aktiviti tersebut perlu dihantar kepada pihak PTJ bagi tujuan pengemaskinian pencapaian UiTMCK. Sistem Pengurusan Risiko (eRMS), Sistem Pengurusan Fasiliti (FMS), MKSP juga digunakan untuk penambahbaikan P&P memandangkan terdapat aduan-aduan yang diterima yang memberi kesan P&P walaupun keberadaan staf dan pelajar yang minima semasa tempoh P&P bagi tahun 2021. iMvative, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTMCK sebagai contoh telah menghasilkan inovasi Smart Attendance System (SAMS) bagi menyelesaikan risiko yang didaftarkan UPR berkaitan P&P dan beroleh peroleh pelbagai pengiktirafan. Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah (Pakar runding AADK), Ustaz Husaini Ab Razab (Ketua Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif, UiTM) dan Puan Azzah Amran (Ikon Wanita Negeri Kelantan -Inovatif) adalah antara individu yang turut menerima pengiktirafan dalam inovasi P&P. Hasil penglibatan dan komitmen semua staf UiTMCK dalam P&P ini telah memberi kesan kepada peningkatan 2% Indeks Kegembiraan UiTM (UiTM Happiness Index) pada tahun 2021 berbanding 2020 dengan tahap "sederhana gembira" secara keseluruhan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti utama bagi menjamin kelangsungan sesebuah universiti termasuklah UiTMCK. Antara pendekatan yang telah diambil adalah dengan menyediakan bilangan staf yang mencukupi samada staf akademik ataupun bukan staf akademik. Jumlah staf akademik di UiTMCK sehingga Disember 2021 adalah seramai 347 orang manakala bukan staf akademik adalah seramai 316 orang. Penyediaan bilangan staf yang mencukupi adalah sangat penting bagi melonjakkan kelancaran pengajaran dan pembelajaran. Bagi memenuhi jumlah kemasukan pelajar yang ramai, bahagian pentadbiran juga terlibat dengan urusan pengambilan pensyarah tetap dan sambilan. Pada tahun 2021 seramai 5 orang pensyarah tetap dan 39 orang pensyarah sambilan dari pelbagai fakulti telah diambil bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran. **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSA 5.2(1))**. UiTMCK juga menggalakkan staf-staf menyambung pengajian ke peringkat PHD dan ini terbukti dengan mempunyai bilangan staf PHD seramai 72 orang.

Antara pendekatan lain yang digunakan oleh pihak UiTMCK untuk menjayakan bidang tumpuan adalah dengan mengadakan taklimat kepada para pelajar sempena minggu education 5.0. KPP bagi setiap fakulti ditugaskan untuk member penerangan kepada para pelajar berkenaan education 5.0. Selain daripada itu pelbagai program latihan telah dianjurkan untuk meningkat tahap pencapaian pengajaran dan pembelajaran. **(RUJUK UiTMCK_ (LAMPIRAN SUMBER MANUSA 5.2(2))**.

Unit URMI adalah unit yang memainkan peranan penting dalam memantapkan bidang tumpuan. Pihak URMI telah banyak membantu pensyarah-pensyarah dari setiap fakulti UiTMCK untuk memohon geran-geran penyelidikan nasional, antarabangsa mahupun geran industri. Hasil daripada penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan dapat membantu staf-staf meningkatkan lagi pengetahuan dan ianya dapat disalurkan kepada pelbagai pihak khususnya para pelajar. Jumlah geran yang diterima pada tahun 2021 juga menunjukkan peningkatan dan senarai penerima geran boleh dilihat pada. **(RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSA 5.2(3))**.

Bagi memastikan pembelajaran yang berterusan khususnya di musim pandemik ini pihak ICAN telah menganjurkan program Sumbangan Laptop kepada Pelajar B40. Pada tahun 2021, penyerahan Laptop melibatkan tiga (3) fasa iaitu penyerahan laptop melibatkan kawasan daerah Machang, Gua Musang, Kelantan dan juga di Gemuruh dan Kuala Terengganu, Terengganu. Para pelajar dari pelbagai program di UiTM Cawangan Kelantan dan melibatkan pelajar daripada pelbagai kursus di Kampus Machang dan Kampus Kota Bharu. **(RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSA 5.2(4))**.

Unit TRIG telah mengadakan Coffee Talk secara dalam talian yang diadakan sepanjang tahun 2021 bagi menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan dengan perkongsian daripada rakan-rakan penyelidik. Coffee talk ialah sesi pembentangan daripada pensyarah – pensyarah pelbagai fakulti dan pelajar PhD yang akan berkongsi pengalaman ilmu kepada semua yang hadir. Ianya terbuka kepada semua samada pensyarah, pelajar dan kakitangan UiTM. Pensyarah yang telah membentangkan sesi perkongsian akan diberi sijil penghargaan. Akibat daripada pelaksanaan kawalan pergerakan disebabkan Covid-19, pihak TRIG mengambil inisiatif untuk meneruskan Coffee Talk secara dalam talian agar pensyarah dan pelajar terus mendapat perkongsian ilmu penyelidikan. Bagi melonjakkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, UiTMCK telah mewar-warkan pelantikan jawatan staf akademik, kenaikan pangkat staf dan penganugerahan ijazah doctor falsafah melalui emel dan website bagi memberikan penghargaan kepada staf-staf yang baru dilantik memegang jawatan. Pemakluman ini dapat memberi galakan dan pemangkin kepada staf-staf lain untuk terus memberikan yang terbaik bagi melonjakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. **RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSA 5.2(5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_S01_SB02_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.2.\(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB02_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.2\(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB02_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.2\(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB02_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.2\(4\).pdf](#)
5. [K0058_S01_SB02_20225_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.2\(5\).pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memberi lonjakan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, UiTM Cawangan Kelantan dengan kerjasama Universiti Kasetsart Thailand, Institut Teknologi Bandung Indonesia dan Universiti Nakhon Ratchasima Rajabhat Thailand telah mengadakan konferensi antarabangsa yang telah berlangsung pada 27 & 28 Oktober 2021. Penganjuran ini membolehkan para penyelidik dan pensyarah khususnya berkumpul dan bertukar pengetahuan bagi meningkatkan dan memperkukuhkan bidang tumpuan.

Akademi Pengajian Bahasa Univeristi Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) telah menjadi hos bagi konferensi antarabangsa (i-LEdHS2021) yang diadakan pada 22 Februari 2021 (Isnin) dengan kerjasama Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Gadjah Mada, Universiti Malaya, Kong Zi Institute University of Malaya, Malaysian English Language Teaching Association (MELTA) Kelantan Chapter, Prince of Songkla University, and Universitas Pembangunan Nasional "Veteran" Jakarta. **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3(1))**

International Conference on Business and Social Sustainability (ICOBSS 2021) telah dilaksanakan secara maya pada hari Selasa, 29 Jun 2021. Konferensi antarabangsa ini adalah hasil kerjasama Pusat Pengajian Siswazah Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan dengan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Kelantan dan UiTM Kampus Kota Bharu. 3rd Kelantan International Learning and Exhibition 2021 telah dianjurkan buat kali ke-3 bagi memupuk budaya inovasi dan kreatif di kalangan pendidik, pelajar, masyarakat dan pihak industri serta memberikan pengiktirafan yang sewajarnya terhadap hasil rekacipta mereka. Ianya dilihat sebagai satu platform yang diterima baik oleh para pendidik, pelajar, masyarakat dan industri untuk menunjukkan merencanakan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3(2))

Bagi melonjakkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran,UiTMCK telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) dengan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara pada 3 Februari 2021. Memorandum Perjanjian ini bertujuan bagi mengukuhkan lagi usahasama akademik yang telah terjalin antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) dan UMSU demi kecemerlangan kedua-dua universiti yang melibatkan pertukaran pelajar, petukaran pensyarah dan symposium bersama.

Melalui memorandum ini, UiTMCK telah menerima pelajar pelajar dari UMSU seramai 8 orang dan pensyarah yang terlibat dalam program ini dicadangkan untuk diberi lantikan sebagai Pensyarah Pelawat (Visiting Lecturer) daripada pihak UMSU. Beberapa orang staf akademik UiTMCK telah ditawarkan menjadi pensyarah pelawat di beberapa universiti antarabangsa seperti Universiti Kasersart, Thailand dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).

(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3(3))

Selain daripada itu, pihak UiTMCK juga telah menandatangani MOU dengan Cagayan State University (CSU), Filipina. Memorandum ini akan membuka laluan kepada penyelidikan dan penerbitan; pertukaran kakitangan dan pelajar; promosi peluang belajar dan persidangan. UiTMCK juga telah mengorak langkah dengan menandatangani MOU dengan Universitas AlAzhar Indonesia (UAI). UiTMCK juga memperluaskan lagi langkah bagi mengembangkan pengajaran dan pembelajaran dengan menandatangani MOU dengan Kerajaan Negeri Kelantan. **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3(4))**

Kepakaran staf akademik UiTMCK telah diiktiraf yang mana Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah telah dianugerahkan sebagai Ahli Pakar Rujuk Special Interest Group Penyelidikan UKM Pakarunding. Manakala Ustaz Husaini Ab Razab telah dilantik sebagai Ketua Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif, UiTM. Puan Azzah Amran telah dianugerahkan sebagai Ikon Wanita Negeri Kelantan (Ikon Inovatif) yang bertitik tolak dari pengajaran subjek keusahawanan dan dijemput menjadi juri di pertandingan inovasi di Korea. Penganugerahan ini membuktikan

bahawa kepakaran staf UiTMCK diiktiraf dan dirujuk oleh pihak luar. **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.3(5))**

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_S01_SB03_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB03_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.3.\(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB03_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.3\(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB03_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.3\(4\).pdf](#)
5. [K0058_S01_SB03_20225_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCK menjalankan proses pemantauan secara berkala dalam memastikan kepuasan sumber manusia dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa terutama dalam menjayakan program berkaitan bidang tumpuan (BT) iaitu pengajaran dan pembelajaran (P&P). Antara mekanisma yang digunakan bagi pemantauan sumber manusia adalah Teaching Effectiveness Index (TEX), Indeks Kegembiraan UiTM 4.0 (UHI4.0) dan pelbagai sistem aplikasi atas talian seperti HR2U, UFuture, iCreSS, UniTS, PRIME, KW3P, eRMS dan SPAM **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.1 (1))**.

Bermula semester Oktober 2021, UiTM telah mengguna pakai Teaching Effectiveness Index (TEX) sebagai penilaian pengajaran bersifat 360° dalam melihat keberkesanan pengajaran pensyarah melalui kerangka yang holistik. Proses pemantauan berkala ini melibatkan penilaian 3 penjurou melalui:

- Penilaian oleh pelajar (Student Feedback Online (SUFO))
- Penilaian oleh rakan sekerja (Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS)); dan
- Penilaian sendiri (Teaching Evaluation Sels-Assessment (TESA))

(RUJUK UiTMCK_LAMPRAN SUMBER MANUSIA 5.4.1 (2))

Secara umumnya, pensyarah di UiTMCK mendapat purata skor SUFO sebanyak 89.34 peratus, purata skor PRO-PENS sebanyak 88.75 peratus dan purata skor TESA sebanyak 88.08 peratus. Ini menjadikan purata skor TEX UiTMCK untuk semester Oktober 2021 adalah 89.58 peratus **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.1 (3))**. Indikator ini membuktikan bahawa pensyarah UiTMCK telah menunjukkan amalan terbaik dalam pengajaran.

Selain itu, Kajian Indeks Kegembiraan UiTM 4.0 (UHI4.0) pada tahun 2021 **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.1 (4))** yang melibatkan seramai 8714 staf akademik dan pentadbiran di seluruh UiTM menunjukkan peningkatan sebanyak 2 peratus kepada 75 peratus dari tahun sebelumnya. Namun begitu, UiTMCK khususnya mendapat 76 peratus indeks kegembiraan bagi tahun 2021 berbanding 74 peratus pada tahun 2020. Dari segi perbandingan antara staf di UiTMCK pula, staf akademik mendapat 76 peratus manakala staf pentadbiran hanya mendapat 73 peratus sahaja. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh dasar UiTMCK semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membenarkan semua staf akademik bekerja dari rumah, manakala sesetengah staf pentadbiran perlu bekerja di pejabat.

Disamping itu, pemantauan bagi keberadaan staf dilakukan secara atas talian menggunakan sistem HR2U, yang mana setiap staf perlu mengesahkan kehadiran atau bercuti di aplikasi tersebut. Sekiranya staf bekerja dari rumah (BDR), mereka hendaklah berada dalam lingkungan 100km radius dari ibu pejabat samada Kampus Machang atau Kampus Kota Bharu **(RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.1 (5))**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_S01_SB04_SC01_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB04_SC01_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB04_SC01_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB04_SC01_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_S01_SB04_SC01_20225_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1 \(5\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun 2021 disebabkan oleh penularan Covid-19 yang masih belum terkawal memberi impak yang berterusan kepada UiTMCK. Pengendaliah kuliah secara *online distance learning* (ODL) masih diteruskan bagi memastikan proses P&P tidak terjejas (**RUJUK UiTMCK LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.2 (1)**), manakala staf pula diarahkan untuk bekerja dari rumah (BDR) (**RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.2 (2)**). Bagi menangani masalah ini, Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK di bawah pengurusan Pejabat Rektor telah menganjurkan Forum Kuarantin Kendiri: Tatacara Mengelak Risiko Menjangkiti Yang Tersayang pada 30 Jun 2021 secara atas talian melalui Cisco Webex dan Youtube Channel Rasmi UiTMCK (**RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.2 (3)**).

Disamping itu, melalui system eRMS, UPR juga telah mengenalpasti beberapa risiko yang boleh memberi kesan negatif kepada proses P&P. Pengendalian kuliah secara ODL mengakibatkan timbul beberapa masalah kepada pensyarah dan juga pelajar. Salah satu risiko yang ekstrem adalah masalah capaian internet dan kekurangan infrastruktur di rumah. Risiko ini merencatkan proses P&P apabila pensyarah tidak dapat menyampaikan kuliah dengan berkesan dan pelajar juga tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, kehadiran pelajar semasa kuliah secara ODL agak sukar dipantau disebabkan lokasi keberadaan mereka tidak sama dengan pensyarah. Mengikut Peraturan Akademik UiTM bagi pelajar Diploma dan Ijazah (Pindaan 2017), pelajar diwajibkan untuk menghadiri semua kuliah dan aktiviti akademik yang telah dijadualkan. Kegagalan mencapai minimum 80 peratus kehadiran boleh meyebabkan pelajar diberi status ZZ (Tidak layak menduduki peperiksaan akhir atau markah penilaian bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir tidak diambil kira).

Terdapat juga risiko berkaitan dengan bekalan air ke kolej kediaman pelajar dan rumah staf di dalam kampus yang mempengaruhi secara tidak langsung kepada aktiviti P&P. Risiko lain yang didaftarkan adalah berkaitan dengan kawalan keselamatan kampus Kota Bharu di mana kampus ini tidak berpagar. Ia menyebabkan risiko keselamatan staf, pelajar dan harta benda UiTMCK. Memandangkan risiko ini diklasifikasikan tinggi, UiTMCK telah mengambil tindakan dengan menambah bilangan polis bantuan UiTMCK dari seorang kepada 2 orang untuk bertugas pada satu-satu masa. Selain itu, kebocoran yang berlaku pada beberapa tempat di PTA (Perpustakaan Tengku Anis) memerlukan pemeriksaan menyeluruh dari kontraktor pembaikan bumbung memandangkan kebocoran tersebut menyebabkan air meresap masuk ke dalam siling dan menitiskan air. Ia bukan hanya menyukarkan proses P&P pelajar di PTA malah memburukkan imej UiTMCK (**RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.2(4)**).

Oleh itu, hasil daripada risiko-risiko yang didaftarkan ini memerlukan UPR mengadakan mesyuarat dengan pihak pengurusan UiTMCK bersama dengan PTJ bagi melakukan tindakan seterusnya. UPR akan melaporkan status tindakan PTJ dalam mesyuarat UPR yang akan datang (**RUJUK UiTMCK_ LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.2(5)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_S01_SB04_SC02_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB04_SC02_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB04_SC02_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB04_SC02_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_S01_SB04_SC02_20225_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2 \(5\).pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCK menyediakan pelbagai kemudahan bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif. Ini secara langsung dapat melancarkan aktiviti P&P selain dari memupuk kearah kehidupan yang sihat dan memberi motivasi kepada staf untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Antaranya kemudahan fizikal yang digunakan untuk P&P adalah ruang kuliah, bilik seminar, auditorium, makmal computer, studio, pelbagai jenis bengkel (printing, jahit, resist, fiber floor loom, fiber table loom, barangan kemas, pertukangan, ukiran, kimpalan, cetakan, acuan dan tuangan) (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (1)). UiTMCK juga menyediakan beberapa kemudahan kondusif yang lain seperti Ruang niaga di Pusat Pelajar, Dewan Profesional, Dataran Ilmu bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan aktiviti P&P. UiTMCK juga menyediakan kemudahan untuk OKU di dalam kampus. Contohnya seperti tempat letak kereta, laluan roda (ram), tandas dan lain lain lagi. (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (1)).

Bagi melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing di peringkat global, UiTMCK juga telah memperuntukan dana untuk staff dan pelajar bagi melaksanakan aktiviti berkaitan P&P. Antaranya ialah dana mobiliti pelajar yang bertujuan untuk meningkatkan QS WUR Ranking UiTM selain membantu pelajar UiTM menjalani program pertukaran pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar di bawah kategori B40. Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Dana Mobiliti (JKPADM) UiTM telah meluluskan peruntukan Dana Mobiliti sebanyak RM2500 bagi membiayai pelajar Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTMCK untuk menjalani Program Latihan Industri di International Islamic Trade Financial Corporation (IFTFC), Jeddah, Arab Saudi bermula 29 Mac 2021-16 Julai 2021 (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (2)).

Bagi memastikan proses P&P secara atas talian berjalan dengan lancar, UiTMCK telah menganjurkan Program 1 Alumni 1 Laptop untuk mendapatkan sumbangan dana bagi pembelian komputer riba kepada pelajar kurang berkemampuan. Program Serahan Komputer Riba kepada pelajar B40 dilakukan sebanyak 2 kali iaitu Fasa 1 (17 Jun 2021) dan Fasa 2 (2 Julai 2021) (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (3)).

Selain itu, UiTMCK menyediakan kemudahan bagi membolehkan staf untuk menyalurkan aduan terhadap persekitaran dan sistem kerja di UiTMCK. Kemudahan ini bertujuan untuk mengenalpasti ruang dan peluang penambahbaikan dalam penyampaian dan pengurusan perkhidmatan yang lebih berkesan terutamanya dalam P&P. Aduan boleh dibuat secara atas talian, contohnya aduan kerosakan fasiliti boleh dibuat melalui Portal Sistem Pengurusan Fasiliti, aduan ICT melalui Sistem *University IT Services* (UNITS) dan lain-lain aduan melalui Borang Aduan Dan Maklum Balas Pelanggan UiTMCK V.1 (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (4)). Laporan aduan dikumpulkan dan dimasukkan dalam mesyuarat. Contohnya Laporan Pencapaian Aduan dan & Maklumbalas Pelanggan UiTMCK untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Melalui MKSP tersebut, hasil analisa dan tindakan penambahbaikan terhadap aduan dan maklumbalas yang diterima dibentang dan dibincangkan. Selain daripada itu, PTJ yang terlibat juga perlu mengemaskini status aduan yang diterima sebelum ini di dalam MKSP tersebut (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.4.3 (5)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_S01_SB04_SC03_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB04_SC03_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB04_SC03_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB04_SC03_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3 \(4\).pdf](#)

5. [K0058_S01_SB04_SC03_20225_U11MCK_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3 \(5\).pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penghasilan inovasi merupakan satu pemangkin yang dapat mengetengahkan idea-idea bernas dan kreatif staf UiTMCK. Melalui idea inovatif ini, produk yang diwujudkan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada staf, pelajar bahkan kepada UiTMCK secara keseluruhannya. Usaha dan galakan yang berterusan dari pihak pengurusan UiTMCK kepada staf tidak dapat dinafikan telah membantu penghasilan inovasi terutamanya inovasi dalam P&P yang sangat kreatif dan diiktiraf sehingga ke peringkat kebangsaan.

Sebagai contoh, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), iMVative telah menghasilkan inovasi baru iaitu *Smart Attendance System (SAMS)* yang mampu menyelesaikan masalah untuk menguruskan kelewatan ketidakhadiran pelajar oleh pensyarah, Penolong Pendaftar dan Timbalan Rektor Bahagian Hal Akademik dalam memberi nasihat, peringatan pertama, peringatan kedua dan seterusnya dibawa ke tatatertib untuk menentukan samada status pelajar terbabit mendapat keputusan YY atau ZZ (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.5 (1)). Inovasi yang terhasil ini secara langsung dapat digunakan pakai untuk menyelesaikan risiko yang melibatkan P&P yang dikenalpasti oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.5 (2)). Hasil inovasi dari kumpulan iMVative ini telah menerima banyak anugerah dalam KIK. Antaranya adalah Anugerah Emas Mini Konvensyen KIK UiTM Zon Timur 2021, Anugerah Emas Regional Innovative Showcase On Team Excellence (RISTEx) 2021, Anugerah Dokumentasi Terbaik, Anugerah Proses Penambahbaikan Terbaik, Anugerah Fasilitator Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Pembentang Lelaki Terbaik (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.5 (3)).

Bagi menjamin kualiti kerja staf UiTMCK dalam aktiviti berteraskan P&P, pihak pengurusan memberi pelbagai penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia. Antaranya ialah staf diberikan surat lantikan dan penghargaan untuk setiap penglibatan mereka. Surat-surat tersebut amat berharga untuk staf terutama bagi staf yang memerlukan pengesahan perkhidmatan, permohonan untuk kenaikan pangkat selain dapat dijadikan pengukuran kepada pencapaian prestasi masing-masing. Bagi staf UiTMCK yang menunjukkan prestasi cemerlang pula, mereka akan dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang diraikan di dalam Majlis Hari Inovasi UiTMCK yang dianjurkan pada setiap tahun.

Selain itu pihak pengurusan UiTMCK juga menyediakan anugerah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan komitmen yang tinggi oleh staf akademik dalam aktiviti-aktiviti P&P melalui Majlis Anugerah Akademik UiTMCK. Sebanyak 19 Senarai Anugerah Akademik dipertandingkan. Berikut di senaraikan anugerah-anugerah berkenaan:

1. Anugerah MOOC Terbaik
2. Anugerah Fakulti Aktif (Pengantarabangsaan)
3. Anugerah Pensyarah Aktif (Pengantarabangsaan)
4. Anugerah Penasihat Akademik Cemerlang
5. Anugerah Pensyarah Fakulti Terbaik (9 fakulti)
6. Anugerah PTFT Terbaik
7. Anugerah Penyelaras Program Terbaik
8. Anugerah Ketua Pusat Pengajian Terbaik
9. Anugerah Penyelia Terbaik
10. Anugerah e-Pembelajaran Terbaik
11. Anugerah Penceramah Terbaik

12. Anugerah Kepimpinan Akademik
 13. Anugerah Seni dan Kreativiti
 14. Anugerah Pengajaran (Kelompok Sains & Teknologi)
 15. Anugerah Pengajaran (Kelompok Sains Sosial)
 16. Anugerah Inovasi
 17. Anugerah Akademik Harapan (Kelompok Sains & Teknologi)
 18. Anugerah Akademik Harapan (Kelompok Sains Sosial)
 19. Anugerah Tokoh Akademik
- (RUJUK UiTMCK_LAMPIRAN SUMBER MANUSIA 5.5 (4)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_S01_SB05_20221_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_S01_SB05_20222_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.5 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_S01_SB05_20223_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.5 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_S01_SB05_20224_UiTMCK_Lampiran Sumber Manusia 5.5 \(4\).pdf](#)
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah lanskap sistem pendidikan serta operasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) di institusi pendidikan tinggi Malaysia semenjak tahun 2020 hingga 2021. UiTMCK turut terkesan dalam mengubah kaedah pelaksanaan P&P kepada atas talian sepenuhnya. Kaedah P&P ini mampu menghasilkan graduan yang seimbang serta berdaya saing di peringkat global dan akhirnya mampu membawa jenama UiTM sebagai Globally Renowed University menjelang tahun 2025 (GRU2025). Dalam melahirkan seorang graduan UiTMCK yang seimbang dan berdaya saing, Pelan Strategik UiTM 2025 telah dijadikan rujukan sepenuhnya oleh pihak kepimpinan kanan serta seluruh sistem UiTMCK sebagai dasar perancangan aktiviti P&P. Pelbagai pendekatan P&P telah dirancang oleh kepimpinan kanan, PTJ serta keseluruhan kakitangan UiTMCK bagi memastikan tiga teras strategik utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai tercapai. Antara inisiatif pendekatan perancangan aktiviti P&P di UiTMCK pada tahun 2021 adalah penyampaian input (Pelan Strategik UiTM2025) melalui amanat awal tahun 2021, penyampaian perancangan tahunan melalui sesi mesyuarat bersama kepimpinan kanan dan PTJ terlibat serta taklimat secara atas talian menggunakan platform rasmi UiTMCK. Operasi dan proses penyebaran aktiviti P&P UiTMCK adalah melalui model PDCA (plan, do, check and action). Pada tahun 2021, penyebaran inisiatif yang membantu pelaksanaan P&P UiTMCK yang cemerlang adalah melalui semakan kurikulum, geran penyelidikan dan inovasi, persidangan dan kolaborasi antarabangsa seperti MoU dan MoA serta inbound dan outbound di kalangan pelajar serta staf akademik UiTMCK. Hasil pemantauan dari inisiatif-inisiatif ini, pada tahun 2021 UiTMCK telah berjaya mendapat pengiktirafan setara 6 bintang serta pengiktirafan P&P amalan terbaik 2021 melalui Penilaian Pengajaran 360 berpandukan skor lengkap SUFO, PRO-PENS, TESA, dan TEX. Selain itu, hasil keputusan semester HPNG pelajar Graduate melebihi 3.5 pada tahun 2021 telah meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 35.28% (Ijazah Sarjana Muda) dan 90.85% (Diploma) di mana Anugerah Dekan ialah 48.08% (Ijazah Sarjana Muda) dan 44.85% (Diploma), Anugerah Naib Canselor 12.24% (Ijazah Sarjana Muda) dan 15.11% (Diploma) dan pelajar bergraduate dalam tempoh (GOT) ialah 93.31% (Ijazah Sarjana Muda) dan 94.31%(Diploma). Dalam memastikan kelastarian penambahbaikan dan kaji semula inisiatif P&P, pengurusan risiko melalui Unit Pengurusan Risiko dilaksanakan secara berterusan dalam operasi pengurusan P&P oleh PTJ berkaitan bagi tujuan rujukan yang dapat dijadikan pemangkin semangat dan penambahbaikan berterusan warga UiTMCK. UiTMCK juga telah menyediakan beberapa saluran khas bagi membolehkan setiap PTJ dan pemegang taruh mengenalpasti risiko, mengkaji semula risiko yang dikenalpasti serta mengambil tindakan penambahbaikan semasa pelaksanaan setiap program yang melibatkan aktiviti P&P. Antara kemudahan dan saluran yang telah disediakan bagi membolehkan setiap PTJ, staf dan pihak pemegang taruh yang terlibat menyalurkan aduan terhadap persekitaran akademik dan proses P&P di UiTMCK. adalah melalui Borang Aduan dan Maklum Balas Pelanggan UiTMCK V.1 secara atas talian, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), sistem UNITS serta indikasi hasil pemarkahan pemantauan secara atas talian melalui SuFO, PROPENS dan TESA yang terdapat pada platform UFuture UiTM. Hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan proses P&P, UiTMCK telah berjaya membudayakan kecemerlangan akademik dengan berlandaskan GRU2025 apabila terbuktinya terdapat kolaborasi-kolaborasi antarabangsa di antara UiTMCK dan universiti-universiti antarabangsa melalui MoU dan MoA bagi tujuan usahasama akademik dalam penyampaian P&P secara atas talian tanpa batasan dan sempadan

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Petunjuk prestasi kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran (P&P) UiTMCK tahun 2021 adalah berpandukan kepada Model Pelan Strategik UiTM2025. Pelan Strategik UiTM2025 telah dijadikan rujukan sepenuhnya oleh pihak kepimpinan kanan serta seluruh sistem UiTMCK sebagai dasar perancangan aktiviti P&P yang cemerlang di peringkat universiti, seterusnya di peringkat kebangsaan dan akhirnya menjadi sebuah universiti terkemuka dunia (Globally Renowed University menjelang 2025) (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(1)).

Bagi merealisasikan dasar Model Pelan Strategik UiTM 2025, setiap kepimpinan kanan, PTJ dan seluruh sistem UiTMCK telah memberikan tumpuan kepada tiga teras strategik utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai (Rujuk UiTM_ Lampiran 6.2(1)). Ketiga-tiga teras ini telah dijadikan hala tuju utama dalam mencapai objektif akademik UiTMCK yang telah disampaikan melalui nilai ESI (Excellent, Synergy, Integrity). Pembudayaan kecemerlangan dalam proses penyampaian P&P berlandaskan kepada model Kerangka Pelan Strategik UiTM 2025 dapat memberi impak yang positif kepada pemegang taruh utama iaitu graduan, alumni, pihak kerajaan, masyarakat dan industri dari segi kelastarian proses P&P di UiTMCK (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(1)) dan (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(2)).

Pada tahun 2021, UiTMCK telah merancang beberapa pendekatan aktiviti yang sistematik berlandaskan kepada proses utama PDCA di mana setiap program dan aktiviti ini menyumbang kepada kelestarian dan kecemerlangan proses P&P di UiTMCK bermula dari fasa perancangan dan cadangan, pelaksanaan, pemantauan dan pengurusan risiko serta kajian semula. Setiap fasa model PDCA ini akan melibatkan keseluruhan bahagian dan PTJ bermula dari kepimpinan kanan hinggalah disalurkan kepada pihak pemegang taruh bagi menggalakkan pembelajaran dan perkongsian ilmu yang berterusan. Bagi fasa pendekatan (approach), penyampaian perancangan dan objektif aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada kecemerlangan P&P UiTMCK berteraskan kepada Pelan Strategik UiTM 2025 adalah bermula dari perkongsian maklumat oleh pihak kepimpinan kanan. Beberapa inisiatif program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2021 oleh pihak kepimpinan kanan UiTMCK dalam menyampaikan dan penyaluran maklumat berkaitan perancangan aktiviti-aktiviti P&P.

Antara inisiatif pendekatan dalam penyampaian awal objektif P&P UiTMCK adalah melalui Amanat Naib Canselor 2021 dan Amanat Rektor UiTMCK 2021 (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(3)). Sesi Mesyuarat Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik bersama Ketua Pusat Pengajian (KPP), Penyelaras Program (PP) dan Penyelaras Unit (PU) serta mesyuarat akademik peringkat UiTMCK bersama Fakulti juga telah dijalankan pada awal tahun 2021 bagi membincangkan hala tuju dan persiapan pelajar dan UiTMCK dalam menyediakan ruang pengetahuan, kemahiran professional dan nilai yang diperlukan untuk mencapai matlamat P&P UiTMCK 2021 (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(2)). Perancangan dan pemakluman dasar serta objektif P&P tahun 2021 juga disalurkan dengan efisien kepada pelajar dan bakal pelajar serta pihak pemegang taruh yang terlibat melalui sesi taklimat Minggu Education 5.0 serta penyampaian maklumat berkaitan Hal Ehwal Akademik melalui platform Telegram Sahabat HEA (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(4)).

Pendekatan perancangan dan perkongsian awal penyebaran maklumat oleh keseluruhan bahagian dan PTJ yang terlibat, beberapa aktiviti dan inisiatif telah dilaksanakan bagi membantu menghasilkan output P&P yang cemerlang di UiTMCK. Aktiviti dan inisiatif yang dinyatakan adalah seperti Pensyarah Pelawat, kerjasama "MoU" dan "MoA" di antara UiTMCK dan universiti antarabangsa, penyertaan pertandingan inovasi di kalangan pelajar dan staf akademik, serta kejayaan penawaran geran penyelidikan di kalangan staf akademik UiTMCK (Rujuk UiTM_ Lampiran Operasi 6.2(5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_O01_OB02_20221_UiTMCK_Lampiran_Operasi_6.2_\(1\).pdf](#)

-
2. [K0058_O01_OB02_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.2 \(2\).pdf](#)
 3. [K0058_O01_OB02_20223_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.2 \(3\).pdf](#)
 4. [K0058_O01_OB02_20224_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.2 \(4\).pdf](#)
 5. [K0058_O01_OB02_20225_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.2 \(5\).pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Education 5.0@UiTM bermatlamat untuk menginsankan pendidikan dengan memperkasakan pelajar melalui kurikulum abad ke-21 dengan menerapkan teknologi digital. Oleh yang demikian, model PDCA telah dipraktikkan oleh UiTMCK bagi memastikan kelancaran dan kecemerlangan hasil P&P di UiTMCK. Proses model PDCA UiTMCK ini bermula dari sumber rujukan utama iaitu teras-teras (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai) yang terdapat pada Pelan Strategik UiTM2025 (Rujuk UiTM_Lampiran Operasi 6.3 (1)).

Di antara perancangan serta aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan oleh UKPA HEA UiTMCK di dalam mencapai salah satu matlamat Teras Strategik UiTM2025 iaitu Pendidikan Berkualiti adalah seperti mengadakan taklimat semakan kurikulum Malaysian Qualification Framework Edisi 2, melantik penyelaras bagi memperkasakan program sulam serta mengadakan bengkel dalam membincangkan permasalahan yang timbul. Bagi memastikan KPI tersebut dicapai, pihak UKPA HEA UiTMCK sendiri akan sering memantau status-status program yang telah dijadualkan serta mengambil tindakan yang sepatutnya dari masa ke semasa (Rujuk UiTM_Lampiran Operasi 6.3 (2)).

BPJIA (URMI) UiTMCK turut memaklumkan sasaran dan status semasa bagi ke semua perancangan awal berkaitan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi yang mana pemantauan dan tindakan susulan juga dibuat agar ia masih selari dengan matlamat UiTM2025 untuk muncul sebagai platform penyelidikan bertaraf dunia dengan pencapaian global portfolio penyelidik translasional, penerbitan berimpak tinggi serta inovasi yang pintar dan kreatif. Di antara program yang telah dirancang oleh BPJIA UiTMCK adalah seperti mengadakan pertandingan inovasi secara virtual yang turut melibatkan para pelajar. Antara lainnya adalah dengan mengadakan 'Bicara Ilmiah' mengenai penyelidikan khususnya. Selain itu taklimat berkenaan geran, bengkel penulisan artikel bersama Chief Editor Jurnal Berindex dan seterusnya kejayaan dalam melaksanakan 'Virtual International Conference' seperti penganjuran persidangan dan kolaborasi antarabangsa di antara UiTMCK, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Gadjah Mada, Universiti Malaya, Kong Zi Institute University of Malaya, Malaysian English Language Teaching Association (MELTA) Kelantan Chapter, Prince of Songkla University dan Universitas Pembangunan Nasional "Veteran" Jakarta (i-LEdHS2021). Selain itu perluasan kerjasama antarabangsa turut dilaksanakan melalui International Conference on Business and Social Sustainability (ICOBSS 2021). Persidangan antarabangsa ini adalah hasil pelaksanaan dan perluasan kolaborasi di antara Pusat Pengajian Siswazah Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan bersama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Kelantan dan UiTM Kampus Kota Bharu (Rujuk UiTM_Lampiran Operasi 6.3 (3)). Selain persidangan antarabangsa, aktiviti perluasan antarabangsa seperti inbound dan outbound di kalangan pelajar serta staf akademik UiTMCK serta MoU dan MoA juga telah berjaya dilaksanakan bagi memantapkan lagi kerjasama antarabangsa melalui proses P&P UiTMCK (Rujuk UiTM_Lampiran Operasi 6.3 (4)). Perluasan aktiviti kolaborasi antarabangsa ini adalah sejajar dalam merealisasikan teras kecemerlangan global, Pelan Strategik UiTM2025 iaitu melalui Pembangunan Penyelidikan Translasional, Inovasi dan Pengkomersilan. Secara tidak langsung langkah-langkah tersebut dianggap mampu meningkatkan dan memperkayakan lagi pengetahuan serta prestasi di dalam bidang penyelidikan oleh para pensyarah dalam usaha untuk menambatkan aktiviti P&P.

Dari sudut pemantauan pula, Unit Pengurusan Risiko UiTMCK di bawah pengurusan Pejabat Rektor telah dijadikan sebagai unit untuk memantau dan mengenalpasi risiko-risiko bagi setiap aktiviti dan program yang telah diperluaskan di UiTMCK (Rujuk UiTM_Lampiran Operasi 6.3 (5)). Seterusnya tindakan penambatkan akan dilakukan oleh setiap unit PTJ seandainya masih ada KPI yang belum dicapai.

SENARAI BUKTI :

-
1. [K0058_O01_OB03_20221_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.3 \(1\).pdf](#)
 2. [K0058_O01_OB03_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.3 \(2\).pdf](#)
 3. [K0058_O01_OB03_20223_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.3 \(3\).pdf](#)
 4. [K0058_O01_OB03_20224_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.3 \(4\).pdf](#)
 5. [K0058_O01_OB03_20225_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.3 \(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTM Cawangan Kelantan amat menitikberatkan pendidikan berkualiti secara menyeluruh bagi tahun 2021 dan berjaya mendapat pengiktirafan setara 6 bintang (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 (1)). Melalui pemantauan yang dibuat bagi kelestarian bersama, antaranya ialah melalui kemajuan kerjaya pensyarah pada tahun 2021 perlu ditingkatkan sebanyak 20%. Ini dapat dilihat melalui Penilaian Pengajaran 360 berpandukan skor lengkap SUFO, PRO-PENS, TESA, dan TEX. Secara keseluruhannya, amalan terbaik telah direkodkan seperti "student-centered learning", merekod video setiap topik pengajaran di telegram dan di lain-lain platform atas talian (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 (2)).

Pemantauan daripada OIA menunjukkan sasaran bilangan inbound pelajar UiTMCK melebihi sasaran daripada 44 kepada 763 pelajar. Bilangan outbound pelajar juga melebihi sasaran daripada 63 kepada 1335 pelajar pada tahun 2021. Selain itu, MoA/MoU sepanjang tahun 2021 telah direkodkan sebanyak 5 antaranya dengan UMSU Indonesia, Universitas Al-Azhar Indonesia dan Cagayan State University Philippines. Untuk pensyarah pelawat, setiap fakulti FP, FSSR, APB, FSKM dan FPP menganjurkan inbound/outbound staf akademik seperti 2 pensyarah jemputan dan 11 "external examiners" di UMSU, International Seminar in Accounting seramai 11 pensyarah, 38 pensyarah sebagai Penilai Artwork of Final Year di Guangxi Normal University for Nationalities, Joint Conference (i-LEdHS2021) bersama Universiti Gadjah Mada Indonesia, Universiti Ahmad Dahlan Indonesia dan Prince Songkla Universiti Thailand, Pensyarah Jemputan di UNNES dan Idea Pitching Series For ICT 2021 dan 7 pensyarah pelawat UMSU. UiTMCK juga telah berjaya menganjurkan 2 persidangan antarabangsa iaitu KILLEX dan ICOBSS 2021 secara maya (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 (3)). Manakala pencapaian HEP dalam menguruskan aktiviti pelajar tahun 2021 telah mencapai PI sebanyak sasaran 100% (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 (4)).

Teras strategik bagi pendidikan berkualiti menitikberatkan P&P berterusan di mana melalui keputusan semester HPNG pelajar Graduate melebihi 3.5 pada tahun 2021 telah meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 35.28% (Ijazah Sarjana Muda) dan 90.85% (Diploma) di mana Anugerah Dekan ialah 48.08% (Ijazah Sarjana Muda) dan 44.85% (Diploma), Anugerah Naib Canselor 12.24% (Ijazah Sarjana Muda) dan 15.11% (Diploma) dan pelajar bergraduate dalam tempoh (GOT) ialah 93.31% (Ijazah Sarjana Muda) dan 94.31% (Diploma) % (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 (5)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0058_O01_OB04_OC01_20221_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_O01_OB04_OC01_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_O01_OB04_OC01_20223_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_O01_OB04_OC01_20224_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_O01_OB04_OC01_20225_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.1 \(5\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dilaksanakan melalui penilaian berterusan di dalam P&P oleh PTJ berkaitan bagi tujuan rujukan yang dapat dijadikan pemangkin semangat dan penambahbaikan berterusan warga UiTMCK. Konsep iDART dan ESI juga diterapkan bagi nilai kolektif bersama warga organisasi (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2 (1)). Selain itu, paparan aktiviti disemak bagi keperluan KPI Universiti. Berdasarkan laporan ringkas TEX (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2(2)), antara kelemahan pelaksanaan aktiviti P&P ialah infostruktur tidak menyokong sepenuhnya dalam proses P&P (access point), liputan internet yang tidak menyeluruh terutama kawasan kampung dan pedalaman dan keupayaan pelajar menyediakan peranti yang sesuai bagi proses P&P (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2(3)). Oleh itu, cadangan penambahbaikan berterusan telah direkodkan bagi kelancaran proses P&P seperti kolaborasi bersama Telco untuk meningkatkan capaian internet, memperbanyakkan Access Point (AP) di kawasan kolej dan blok akademik dan menyediakan kemudahan yang lengkap di makmal komputer.

Selari dengan pencapaian maklumbalas pelajar juga didapati amalan terbaik yang direkodkan seperti student centered learning menyebabkan P&P tanpa tekanan oleh pelajar, merekod video setiap chapter di telegram akan menjimatkan data internet pelajar, memulakan kelas dengan slot motivasi ringkas seperti ayat Al-Quran, Hadis dan “motivational quotes” akan memberi kesedaran dan peringatan kepada pelajar dan juga sentiasa responsif dengan permasalahan pelajar akan membantu mereka secara tidak langsung dari segi emosi dan perasaan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2(4)).

Hasil dapatan umum Penilaian Pengajaran 360 juga menunjukkan kepuasan pelajar ditahap peratusan yang tinggi iaitu purata skor SuFO (89.34%), ProPens (88.75%), TESA (88.08%) dan TEX (bagi pensyarah yang memperoleh skor lengkap SuFO, PROPENS & TESA sahaja sebanyak 89.58%).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_O01_OB04_OC02_20221_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_O01_OB04_OC02_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_O01_OB04_OC02_20223_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_O01_OB04_OC02_20224_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.2 \(4\).pdf](#)
- 5.

6.4.3 MENGENALPASTI RISIKO & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelbagai cabaran dan kekangan pergerakan dihadapi semasa situasi pandemik Covid-19 melanda. Namun pembatasan aktiviti fizikal tidak menghalang aktiviti akademik daripada diteruskan kerana dengan bantuan teknologi, perkembangan dan perkongsian ilmu dapat disebarluaskan tanpa batasan dan sempadan. Selepas hampir dua tahun MoU ditandatangani oleh UiTMCK dan UMSU, Indonesia pada 23 November 2019, MoA pula dimeterai pada 3 Februari 2021 oleh kedua-dua universiti secara maya (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 (1)).

UiTMCK telah memeterai MoA dengan UMSU, Indonesia secara maya pada hari Rabu, 3 Februari 2021. Memorandum perjanjian ini ditandatangani oleh Rektor UiTMCK dan Rektor UMSU. Memorandum ini juga ditandatangani oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTMCK dan Wakil UMSU sebagai saksi di kampus masing-masing.

Memorandum Perjanjian ini bertujuan bagi mengukuhkan lagi usahasama akademik yang telah terjalin antara UiTMCK dan UMSU demi kecemerlangan kedua-dua universiti yang melibatkan pertukaran pelajar, pertukaran pensyarah dan simposium bersama. Sehingga kini, pertukaran pensyarah, pertukaran pelajar dan seminar merupakan aktiviti akademik yang telah dijalankan antara Fakulti Perakaunan UiTMCK dan Fakulti Ekonomi dan Bisnes UMSU. Aktiviti tersebut berjaya mendedahkan pelajar dan pensyarah kepada ilmu yang lebih luas, budaya yang berbeza, persekitaran terbuka dan merapatkan jurang perbezaan dan silaturahim antara dua negara serumpun.

Bagi mengekalkan hubungan baik dan juga sentiasa mengaktifkan aktiviti-aktiviti akademik di antara UiTMCK dan Universiti Kasetsart, Thailand. Kedua-dua universiti ini juga telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu International Joint Conference 2021 (IJC2021) pada 27 dan 28 Oktober 2021 secara maya yang juga dianjurkan bersama oleh Universiti Teknologi Bandung, Indonesia. UiTMCK dan Universiti Kasetsart, Thailand pertama kalinya menjalinkan hubungan akademik yang baik sejak kedua-dua universiti ini menandatangani MoA pada tahun 2018 (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 (2)).

Bagi memastikan kesemua objektif program yang menjurus kepada perhasihan aktiviti P&P peringkat antarabangsa ini tercapai, UiTMCK telah menyediakan berberapa saluran khas bagi membolehkan setiap PTJ dan pemegang taruh untuk mengenalpasti risiko, mengkaji semula risiko yang dikenalpasti serta mengambil tindakan penambahbaikan semasa pelaksanaan setiap program yang melibatkan aktiviti P&P. Antara kemudahan dan saluran yang telah disediakan bagi membolehkan setiap PTJ, staf dan pihak pemegang taruh yang terlibat menyalurkan aduan terhadap persekitaran akademik dan proses P&P di UiTMCK, adalah melalui Borang Aduan dan Maklum Balas Pelanggan UiTMCK V.1 secara atas talian (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 (3)). Proses utama yang perlu dilaksanakan dalam mengenalpasti risiko melalui saluran ini adalah melalui pengisian borang aduan oleh pengadu. Apabila Unit Korporat UiTMCK menerima aduan dan menghantar aduan tersebut kepada PTJ yang terlibat, risiko telah dikenalpasti pada fasa ini. Seterusnya PTJ yang terlibat perlulah menjawab aduan tersebut dan mengambil tindakan penambahbaikan. Hasil dari tindakan tersebut, susulan pemakluman tindakan penambahbaikan akan di hantar kepada pengadu. Selain itu, pelaporan aduan pelanggan juga dibentangkan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Setiap hasil analisa yang dibentangkan dan dibincangkan melalui mesyuarat tersebut akan dicadangkan penambahbaikan dan maklumbalas akan diberikan kepada pengadu. Selain itu, antara saluran lain yang digunapakai bagi tujuan penambahbaikan dan kajian semula aktiviti P&P di UiTMCK adalah sistem UNITS (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 (4)) serta indikasi hasil pemarkahan SuFO, PROPENS dan TESA yang terdapat pada platform UFuture UiTM (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 (5)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_O01_OB04_OC03_20221_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 \(1\).pdf](#)

2. [K0058_O01_OB04_OC03_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 \(2\).pdf](#)
3. [K0058_O01_OB04_OC03_20223_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 \(3\).pdf](#)
4. [K0058_O01_OB04_OC03_20224_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 \(4\).pdf](#)
5. [K0058_O01_OB04_OC03_20225_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.4.3 \(5\).pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam usaha membudayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) pelajar dan staf akademik UiTMCK di peringkat antarabangsa, beberapa memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian telah dimeterai pada tahun 2021.

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara telah mencatat sejarah di mana Tiga (3) Memorandum Perjanjian (MOA) ditandatangani pada 3 Februari 2021. Setiap kandungan memorandum persefahaman telah dipersetujui oleh kedua universiti. Kesemua aktiviti tersebut telah pun dijalankan secara maya antara Fakulti Perakaunan UiTMCK dan Fakultas Ekonomi dan Bisnis UMSU. Malah Fakulti Perakaunan telah menerima tujuh (7) mahasiswa UMSU untuk mengikuti empat (4) subjek iaitu Cost Accounting, Shariah Accounting, International Accounting dan Consolidated Account secara maya (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.5(1)).

Banyak faedah dapat dimanfaatkan hasil dari kolaborasi ini di mana warga akademik dan mahasiswa didedahkan kepada persekitaran antarabangsa. Langkah ini juga dapat mendokong hasrat 2 negara serumpun; Malaysia dan Indonesia untuk mempertingkatkan kecemerlangan akademik dalam kalangan warga mereka. Dengan termeterainya MoA ini, silaturahim antara warga universiti dapat dieratkan dan hubungan antara dua negara di rantau nusantara akan menjadi lebih akrab.

Kesinambungan daripada termeterainya MoA ini, beberapa ahli akademik UiTMCK iaitu Dr. Nik Sarina Nik Md Salleh, Dr. Zurina Ismail, Dr. Md Khairu Amin Ismail, Dr. Che Syaharudin Che Cob, Dr. Azmahani Yaacob@Othman dan Dr. Wan Marhaini Wan Omar dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTMCK telah dilantik sebagai pensyarah pelawat di Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utasa (UMSU) Indonesia bermula dari Mei 2021 hingga Jun 2021 (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.5(2))

Hasil dari Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah ditandatangani oleh UiTMCK dan Universiti Kasetsart, Thailand pada tahun 2018 pula, seorang lagi ahli akademik UiTMCK telah dilantik menjadi pensyarah pelawat di Fakulti Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kasetsart, Thailand bermula 1 Februari 2021 hingga 31 Mei 2021 iaitu Dr. Hatinah Abu Bakar yang juga dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (Rujuk UiTMCK_Lampiran Operasi 6.5(2)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0058_O01_OB05_20221_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.5 \(1\).pdf](#)
2. [K0058_O01_OB05_20222_UiTMCK_Lampiran Operasi 6.5 \(2\).pdf](#)
- 3.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARI TUMPUAN SUMBER MANUSIA UNTUK BIDANG TUMPUAN; PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam pemantapan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK), Pekeliling Akademik UiTM Bil 02/2021 dan objektif kualiti dijadikan panduan oleh kepimpinan UiTMCK untuk memastikan kesepaduan dan keselanjaraan proses serta amalan akademik yang berkualiti. Proses serta amalan akademik yang berkualiti dapat membantu UiTMCK dalam pembentukan mahasiswa yang berilmu dengan sifat-sifat terpuji serta kecemerlangan akademik berada di tahap maksima. Antara objektif kualiti yang menjadi pegangan kepimpinan UiTMCK dalam memberi tumpuan kepada sumber manusia untuk penghasilan P&P yang mantap, bermutu dan cemerlang adalah seperti berikut:

1. UiTMCK memastikan 30% pensyarah adalah berkelayakan PhD menjelang 2025.

Pihak

2. Memastikan bilangan penerbitan berindeks mencapai 300 menjelang 2025; peningkatan sebanyak 7 penerbitan berindeks Q1 menjelang 2025
3. Memastikan nilai geran penyelidikan mencapai RM2juta menjelang 2025
4. Memastikan penganjuran program berbentuk seminar, konferensi, pameran dan latihan bagi membolehkan penjana pendapatan sekurang-kurangnya RM100,000 pada tahun semasa.

Untuk memastikan kesemua objektif kualiti ini dicapai, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan UiTMCK misalnya untuk mencapai 30% pensyarah yang berkelayakan PhD menjelang 2025, pihak pengurusan menghadkan KS pensyarah kepada 12 jam seminggu per semester bagi pensyarah yang menyambung pengajian PhD untuk 3 semester berturut berdasarkan permohonan dari pensyarah. Penganjuran bengkel-bengkel akademik yang berkaitan juga boleh menggalakkan para pensyarah untuk menyambung pengajian PhD. Bagi memastikan staf akademik aktif menjalankan penerbitan dan penyelidikan untuk pemantapan P&P, pihak pengurusan UiTMCK terutamanya bahagian PJIA perlu mewajibkan setiap fakulti menerbitkan sekurang-kurangnya tiga artikel dalam jurnal dalaman dan luaran, PJIA perlu memperkasakan unit penerbitan untuk membantu staf akademik untuk penerbitan dan pendaftaran hasil penulisan serta menganjur bengkel-bengkel penerbitan dan penulisan bagi memberi pendedahan kepada staf akademik tatacara penerbitan dan penulisan sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penyampaian P&P yang berkualiti di UiTMCK juga dipengaruhi oleh staf akademik yang aktif dalam penyelidikan. Bagi Memastikan UiTMCK mencapai nilai geran penyelidikan sebanyak RM2juta menjelang 2025, pihak pengurusan UiTMCK telah memberi galakan dan sokongan kepada staf akademik untuk menuju kepada pencapaian objektif tersebut. Antara inisiatif yang telah dibuat adalah pihak pengurusan adalah mewajibkan setiap fakulti memohon/ mencari dana penyelidikan sekurang-kurangnya satu setahun, menubuhkan sekurang-kurangnya satu *special interest group* (SIG) bagi setiap fakulti, dan mengadakan bengkel penyelidikan jika perlu dari semasa ke semasa.

Kemahiran staf akademik UiTMCK perlulah sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian P&P yang mantap dan cemerlang kepada pelajar. Salah satu cara peningkatan ilmu dan kemahiran staf akademik adalah melalui pertukaran pendapat yang boleh dicapai melalui penganjuran program-program berbentuk seminar, konferensi, pameran dan latihan

serta pertandingan inovasi. Di samping boleh menjana pendapatan, program – program ini boleh membantu staf akademik untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang masing-masing yang boleh membantu secara langsung kepada pemantapan penyampaian P&P.

Apabila pihak pengurusan UiTMCK memberi tumpuan yang terbaik kepada sumber manusia, hasilnya dapat dilihat melalui indeks kegembiraan yang meningkat di kalangan staf akademik, staf akademik diiktiraf di peringkat kebangsaan dengan menjadi pakar rujuk kepada pihak luar, serta pelbagai anugerah dan penghargaan yang diterima dan secara tidak langsung akan memberi peningkatan kecemerlangan akademik para pelajar.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0058_HB02_20221_UiTMCK_Lampiran Tahap Tumpuan Pelanggan 7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0058_HB03_20222_UiTMCK_Lampiran Tren Tumpuan Pelanggan 7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0058_HB04_20223_UiTMCK_Lampiran Perbandingan Tumpuan Pelanggan 7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0058_HB05_20224_UiTMCK_Lampiran Kepentingan Tumpuan Pelanggan 7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI TUMPUAN KEPADA PELANGGAN UNTUK BIDANG TUMPUAN; PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan UiTMCK mengambil serius pelaksanaan perancangan strategik bila mana semua aktiviti serta program di semua peringkat perlu mengambilkira kepentingan pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan ke atas UiTMCK. Bagi memastikan PI yang ditetapkan ke atas UiTMCK dapat dicapai dengan jayanya, mesyuarat serta bengkel perbincangan ke arah pencapaian PI dilakukan seawal bulan Disember pada tahun sebelumnya. Ini bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dan program yang menyumbang ke arah pencapaian PI dapat dimulakan dengan segera pada awal setiap tahun.

Perancangan strategik UiTMCK adalah berpandukan perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM secara keseluruhan. Pada tahun 2019, petunjuk prestasi bagi UiTMCK adalah sepertimana tahun 2018. Namun oleh kerana UiTMCK telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2018 maka sasaran pencapaian untuk UiTMCK telah turut dipertingkatkan. Manakala pada tahun 2020, perancangan strategik **UiTM 2025** telah diperkenalkan yang mana sasaran pencapaian yang ditetapkan adalah lebih berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah **universiti terkemuka di dunia**. Selaras dengan perubahan ini, UiTMCK turut memperkemas tumpuan dan perancangannya bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan, UiTMCK telah mengambil peranan yang serius bagi memperkasakan bidang pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka didunia. Bagi memastikan tahap pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan, tahap kepuasan pelanggan bukan hanya sekadar tertumpu kepada pelajar, tetapi juga kepada staf, ibu bapa dan komuniti secara am nya.

Pelbagai program telah dijalankan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran oleh UiTMCK pada tahun 2021. Disamping hasil program yang dijalankan tahap juga diukur melalui pencapaian pelajar dan staf. Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran adalah program bantuan bagi pelajar , Tabung Alumni Prihatin oleh PAUK 1 Alumni 1 Laptop, "Foodbank-Bizmart Pending" oleh FPP dan Fakulti Cakna Pelajar oleh FP . Program ini dijalankan bagi membantu pelajar dari segi keperluan dan kewangan bagi memastikan tahap pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan. Disamping sumbangan kewangan untuk pelajar, UiTMCK juga komited dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan melalui program "outbound" pelajar dan staf. UiTMCK juga akan memastikan setiap KPI yang ditetapkan dapat dicapai seperti GOT, Graduate Employability (GE) dan lain-lain.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0058_HB02_20221_UiTMCK_Lampiran Tahap Sumber Manusia 7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0058_HB03_20222_UiTMCK_Lampiran Tren Sumber Manusia 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0058_HB04_20223_UiTMCK_Lampiran Perbandingan Sumber manusia 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0058_HB05_20224_UiTMCK_Lampiran Kepentingan Sumber Manusia 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI TUMPUAN KEPADA OPERASI UNTUK BIDANG TUMPUAN; PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pekeliling Akademik UiTM Bil 02/2021 telah memaklumkan semua warga UiTM mengenai pelaksanaan **Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) UiTM** yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil 34/2020 pada 21 Oktober 2020 dan telah diperakukan dalam Mesyuarat Senat ke-264. Dasar PdP yang telah diwujudkan ini adalah antaranya bertujuan untuk memandu pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan P&P di UiTM bagi memastikan kesepaduan dan keselajaran proses serta amalan akademik yang berkualiti. Ianya selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025** yang bermatlamat untuk melahirkan **graduan yang seimbang dan berdaya saing** di peringkat **global**. Selari dengan keperluan ini maka kepimpinan UiTMCK sememangnya mendokong hasrat memastikan tiga teras strategik utama iaitu **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai** tercapai. Hasrat ini telah direalisasi melalui pelan Strategik UiTM cawangan Kelantan serta pencapaian objektif kualiti kampus.

Penghasilan yang cemerlang kepada bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran dapat dibuktikan dengan jelas apabila UiTMCK telah berjaya mendapat pengiktirafan setara 6 bintang (i-skor UiTM), pengiktirafan P&P amalan terbaik 2021 melalui Penilaian Pengajaran 360. Pencapaian akademik pelajar juga telah meningkat dengan peratusan pelajar bergraduat dalam tempoh (**GOT**) **melebihi 90%** di mana 12.24% graduan Ijazah Sarjana Muda dan 15.11% graduan Diploma pada 2021 adalah merupakan penerima **Anugerah Naib Canselor**.

Pencapaian yang cemerlang ini adalah terhasil daripada proses pengajaran yang dilaksanakan oleh pakar dan pensyarah yang berkelayakan dalam bidang ilmu yang berkenaan serta individu yang berpengalaman luas dalam bidang tersebut. Sepanjang tahun 2021, UiTMCK telah melaksanakan pelbagai inisiatif **pemantapan dan peningkatan kompetensi pensyarah** melalui latihan, kerjasama dengan industri dan universiti luar, penyelidikan dan inovasi. Di samping itu **pengajaran** juga telah dilaksanakan secara **inovatif dan responsif** kepada keperluan pelajar dan keperluan pembelajaran dengan menggunakan kaedah dan platform yang sesuai untuk menyokong hasil pembelajaran.

Bagi memastikan proses P&P dilaksanakan sepertimana yang dirancang dan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan jaya nya, pemantauan secara berkala semasa semester berlangsung telah dilakukan. Antara pemantauan yang telah dilaksanakan berfokuskan kepada pensyarah adalah **Teaching Effectiveness Index (TEX)** yang juga dikenali sebagai Penilaian Pengajaran 360⁰ yang merangkumkan 3 penilaian pengajaran iaitu **SuFO, PROPENS** dan **TESA**. Manakala pemantauan berfokuskan kursus-kursus yang diajar dilaksanakan oleh para pensyarah dan **Jawatankuasa National Outcome Based Learning Education (NOBLE)** melalui **pelaporan CDL-CQI** yang dilakukan setiap akhir semester. Di samping itu, **maklumbalas pelajar** yang dilakukan oleh Unit Pengurusan Kualiti UiTMCK dan **dapatan audit** luar dan dalaman juga dijadikan pengukuran untuk memantau proses P&P dilaksanakan dengan berkesan.

Hasil daripada pemantauan yang dilaksanakan telah diambil maklum oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan dilaporkan di **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN)**. Manakala maklumbalas pelajar dan dapatan audit luar dan dalaman akan dilaporkan di **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Pelaporan secara berkala yang dilakukan ini akan mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan proses P&P dan perkara yang memerlukan tindakan lanjut akan dibincangkan bersama-sama pihak pengurusan tertinggi serta Ketua-ketua

... dan teknik serta inovasi P&P para penyarah turut dikongsikan kepada warga akademik yang lain untuk dijadikan teladan dan panduan bagi melahirkan graduan yang seimbang dan berdaya saing di peringkat global.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0058_HB02_20221_UiTMCK_Lampiran Tahap Operasi 7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0058_HB03_20222_UiTMCK_Lampiran Tren Operasi 7.3.3 .pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0058_HB04_20223_UiTMCK_Lampiran Perbandingan Operasi 7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0058_HB05_20224_UiTMCK_Lampiran Kepentingan Operasi 7.3.5.pdf](#)